Dr. Tan Yongjie receiving a memento from Mr. Shahar Effendi Abdullah Azizi

18.11.2016

Lawatan Dr. Helen Hayes, Science Director, Engineering Geology of the British Geological Survey

Visit of Dr. Helen Hayes, Science Director, Engineering Geology of the British Geological Survey



Ketua Pengarah JMG Malaysia dan Dr. Helen Hayes
Director General of JMG Malaysia and Dr. Helen Hayes

Kerjasama Antarabangsa

Penyiasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand (MT-JGS)

International Cooperation

Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey (MT-JGS)

06-12.02.2016

Workshop on Marine Triassic-Jurassic Stratigraphy of Thailand diadakan di Kanchanaburi-Tak-Lampang-Chiang Mai, Thailand
Workshop on Marine Triassic-Jurassic Stratigraphy of Thailand held at Kanchanaburi-Tak-Lampang-Chiang Mai, Thailand



Dr. Assanee Meesook, pakar stratigrafi endapan kelautan Trias-Jura Thailand, membentangkan penemuan beliau bertajuk *"The Marine Triassic-Jurassic Stratigraphy of Thailand"*

Dr. Assanee Meesook, Thailand marine deposits stratigraphy expert, presenting his findings titled *"The Marine Triassic-Jurassic Stratigraphy of Thailand"*



Kerja lapangan di Kanchanaburi, Thailand
Field work at Kanchanaburi, Thailand



Kerja lapangan di Kanchanaburi
Field work at Kanchanaburi

28.03.2016-31.03.2016

Bengkel pencirian dan penilainan geotapak di Kampar, Perak

Workshop on geosite characterization and evaluation at Kampar, Perak



Foto Kumpulan
Group photo

02.05.2016-07.05.2016

Mesyuarat Kumpulan Kerja Penyiasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand Bil. 1/2016 dan Mesyuarat Penyuntingan, Kangar, Perlis

The Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Working Group Meeting No. 1/2016 and Joint Editorial Meeting, Kangar, Perlis



Kerja lapangan selepas mesyuarat di kawasan yang didasari oleh Formasi Setul di Perlis
Post-meeting field trip in area underlain by the Setul Formation in Perlis

16.08.2016

Mesyuarat Kumpulan Kerja Penyasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand Bil. 2/2016, Krabi, Thailand
The Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Working Group Meeting No. 2/2016, Krabi, Thailand



En. Montri Luengkasoot (kiri) dan Tn. Hj. Mohd Arif Omar (kanan) mempengerusikan mesyuarat
Mr. Montri Luengkasoot (left) and Mr. Mohd Arif Omar (right) co-chaired the meeting



Mesyuarat sedang berlangsung
Meeting in progress



Ahli Kumpulan Kerja Malaysia – Thailand
Malaysia – Thailand Working Group members

17.08.2016

Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand (MT-JGSC) Ke-13, Krabi, Thailand
13th Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Committee (MT-JGSC) Meeting, Krabi, Thailand



Mesyuarat sedang berlangsung
Meeting in progress



Pertukaran dokumen mesyuarat antara Datuk Mior Sallehuddin Mior Jadid dan Dr. Thawsaporn Nuchanong
Exchange of meeting documents between Datuk Mior Sallehuddin Mior Jadid and Dr. Thawsaporn Nuchanong



Ahli mesyuarat
Members of the meeting

18-19.08.2016

Kerja lapangan selepas mesyuarat di kawasan Krabi dan Satun, Thailand
Post-meeting field excursion in the Krabi and Satun areas, Thailand



Kerja lapangan di Taman Negara Nopparat Tara, Ban Laem Pho, Krabi, Thailand
Field work in Nopparat Tara National Park, Ban Laem Pho, Krabi, Thailand

36



Lawatan ke Muzium Manek Andaman di Krabi, Thailand
Visit to Andaman Beads Museum, Krabi, Thailand

Kerjasama Teknikal dan Saintifik Malaysia – Indonesia dalam bidang geologi dan sumber mineral

Malaysia – Indonesia Scientific and Technical Co-operation in the field of geology and mineral resources

14-18.11.2016
Lawatan ke Geological Agency Indonesia, Bandung
[Visit to Geological Agency Indonesia, Bandung](#)



ASEAN Senior Official Meeting on Minerals (ASOMM)

02-04.08.2016

Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13 dan Mesyuarat Lembaga Hakim pertama bagi Anugerah Mineral ASEAN, Aseania Resort & SPA, Langkawi, Kedah, Malaysia

The 13th ASOMM Working Group Meetings and the 1st Board of Judges Meeting of the ASEAN Mineral Awards, Aseania Resort & SPA, Langkawi, Kedah, Malaysia



Delegasi ASEAN ke Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13, Langkawi yang telah dianjurkan oleh Malaysia
The ASEAN delegations of the 13th ASOMM Working Group Meetings, Langkawi which was hosted by Malaysia



Dato' Wan Mazlan Wan Mahmood (kiri), Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, telah mempengerusikan Sesi Plenari semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13. Di sebelah beliau adalah Datuk Mior Sallehuddin Mior Jadid, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Dato' Wan Mazlan Wan Mahmood (left), Under Secretary of the Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia, was chairing the Plenary Session during the 13th ASOMM Working Group Meetings. Next to him was Datuk Mior Sallehuddin Mior Jadid, Director General of the Department of Mineral and Geoscience Malaysia



Para wakil dari Malaysia dan pegawai-pegawai ASEAN lain yang menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13, Langkawi
 Malaysian representatives and other ASEAN officials attending the 13th ASOMM Working Group Meetings, Langkawi



Mesyuarat Lembaga Hakim pertama bagi Anugerah Mineral ASEAN telah diadakan sempena Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13
 The 1st Board of Judges Meeting of the ASEAN Mineral Awards was held in conjunction with the 13th ASOMM Working Group Meetings



Lawatan ke Kilim Karst Geoforest Park sempena Mesyuarat Kumpulan Kerja ASOMM ke-13, Langkawi
 A visit to Kilim Karst Geoforest Park in conjunction with the 13th ASOMM Working Group Meetings, Langkawi



Gambar kumpulan delegasi ASEAN di tempat ternakan ikan dalam sangkar, salah satu tempat menarik yang dilawati semasa melancong ke Kilim Karst Geoforest Park
 A group photo of ASEAN delegations at Fish Farm, one of the interesting places visited during Kilim Karst Geoforest Park tour

8-10.11.2016

The 16th ASOMM and the 9th ASOMM + 3 Consultations, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia



Ketua-ketua Delegasi ASOMM ke-16, Kuala Lumpur di sesi foto bersama YB Datuk Ir Dr Haji Hamim Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (tengah), dan Dato' Dr Nadzri Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (ketujuh dari kiri)

The Heads of Delegations of the 16th ASOMM, Kuala Lumpur in a photo session with The Honourable Datuk Ir Dr Haji Hamim Samuri (center), Deputy Minister of Natural Resources and Environment Malaysia, and Dato' Dr Nadzri Yahaya (seventh from left), Deputy Secretary General of the Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia

40



Ketua-ketua Delegasi ASOMM + 3 Perundingan ke-9, Kuala Lumpur dengan YBhg Dato' Dr Nadzri Yahaya (tengah), Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

The Heads of Delegations of the 9th ASOMM + 3 Consultations, Kuala Lumpur with Dato' Dr Nadzri Yahaya (center), Deputy Secretary General of the Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia



Delegasi ASOMM ke-16 dan ASOMM + 3 Perundingan ke-9, Kuala Lumpur
 The Delegations of the 16th ASOMM and the 9th ASOMM+3 Consultations, Kuala Lumpur



Gambar kenangan delegasi ASEAN di Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor
 A commemorative photo of ASEAN delegations at Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor



YB Datuk Ir Dr Haji Hamim Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, merasmikan majlis pembukaan ASOMM ke-16, Kuala Lumpur
 The Honourable Datuk Ir Dr Haji Hamim Samuri, Deputy Minister of Natural Resources and Environment Malaysia, officiated the opening ceremony of the 16th ASOMM, Kuala Lumpur



Mesuarat sedang berlangsung
 Meeting in progress

07.03.2016: Sinar Harian

Majlis perasmian telaga tiub di Padang Terap, Naka, Kedah
Inauguration ceremony of tube wells at Padang Terap, Naka, Kedah



18.05.2016: Sinar Harian

Papan tanda geotapak di Gunung Pulai
Geosite signage at Gunung Pulai



25.08.2016: Berita Harian

Sumber air tanah di Kampung Sungai Jagung, Kedah

Groundwater resources at Kampung Sungai Jagung, Kedah



Sumber air bawah tanah terbesar ditemui

Penemuan di Pendang, Kedah pada kedalaman 60 meter

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

► Pendang

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) menemui sumber air bawah tanah dipercayai terbesar di negara ini, di Kampung Sungai Jagung, dekat sini.

Sumber air berkenaan yang berkemampuan menghasilkan kira-kira 132 meter padu (35,000 galen) setiap jam, mampu memberi manfaat kepada 16,000 pengguna bersamaan 3,000 pemegang akaun Syarikat Air Darul Aman (SADA).

Ini sekali gus menyelesaikan masalah bekalan air di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Suraya Yaacob, berkata pihaknya percaya ia berupaya menyumbang kepada penyelesaian jangka pendek masalah air yang berlaku di Kedah, seperti mana digantikan kerajaan negeri sebelum ini.

Bellau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tiang berkata, JMG membelanjakan sebanyak RM50,000 bagi kerja menggerudi tanah sedalam 60 meter sehingga

membawa kepada penemuan sumber air baharu itu.

"Saya akan melakukan perbincangan dengan beberapa agensi termasuk SADA dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi tujuan berkenaan pada mesyuarat EXCO, Selasa depan.

"Perkara ini juga sudah dimaklumkan kepada Datuk Badrol Hisham Hashim (Pengerusi Jawatankuasa Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga) bagi mencari jalan terbaik kerana kos pembinaan infrastruktur telaga tiub dijangka menelan kos yang tinggi dan memerlukan perancangan rapi.

"Kita juga akan berbincang dengan SADA dan UPEN bagaimana untuk salurkan air ke kawasan yang mengalami masalah tekanan air rendah kerana jauhnya beratus kilometer dari sini," katanya selepas melawat telaga tiub berkenaan, di sini, semalam.

Suraya berkata, pihaknya masih belum mendapat gambaran kos sebenar membabitkan pembinaan sistem peripalan, kemudahan elektrik dan pembinaan tangki air.

"Buat masa ini, sumber air itu dimanfaatkan kira-kira 200 penduduk Kampung Sungai Jagung yang diketahui adalah kawasan yang mengalami masalah air," katanya.



Kita juga akan berbincang dengan SADA dan UPEN bagaimana untuk salurkan air ke kawasan yang mengalami masalah tekanan air rendah kerana jauhnya beratus kilometer dari sini"

Suraya Yaacob,
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri



Aktiviti Mineral **Mineral Activities**

Aktiviti Mineral

Mineral Activities

Permintaan mineral dunia semakin meningkat sejajar dengan pertumbuhan bilangan penduduk dunia serta penggunaan mineral secara meluas dalam pelbagai aplikasi. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber mineral negara, peranannya ialah menyediakan, mengumpul dan menganalisis data berkaitan eksplorasi mineral, perlombongan, pengkuarian, pengeluaran mineral, pelaburan komersial dan status perkembangan industri berasaskan mineral.

Aktiviti mineral yang dijalankan oleh JMG melibatkan penilaian sumber mineral berlogam, mineral perindustrian, dan mineral tenaga. JMG juga berperanan membekalkan maklumat komoditi mineral bagi membantu meningkatkan perkembangan industri mineral negara, serta memberi khidmat nasihat guna tanah dan pembebasan mineral kepada pihak berkuasa negeri dan swasta.

The world demand for minerals is constantly increasing in tandem with the world's population growth and also the increasing wider usages of minerals in various applications. The Department of Mineral and Geoscience Malaysia (JMG), as an agency responsible for the management of the nation's mineral resources, its role is to prepare, collect and analyse the data pertaining to mineral exploration, mining, quarrying, minerals production, commercial investment and the developmental status of mineral-based industries.

Mineral activities carried out by JMG involve resource evaluation for metallic, industrial, and energy minerals. JMG also plays a role in providing mineral commodity information to support the development of the nation's mineral industry, as well as provides advisory services pertaining to land use and mineral clearance to the state authorities, as well as in the private sector.

46

Penilaian Sumber Mineral

JMG melaksanakan penilaian sumber mineral yang melibatkan penilaian sumber mineral berlogam, mineral perindustrian dan mineral tenaga. Berdasarkan penilaian tersebut, sumber baharu bauksit dan pasir silika telah dikenal pasti. Survei geofizik awangan telah di jalankan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk mengenal pasti dan menentukan kawasan berpotensi mineral berlogam.

Mineral Berlogam

Pada tahun 2016, kerja penilaian tinjauan sumber mineral berlogam telah dilaksanakan di empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kelantan dengan jumlah kawasan liputan seluas 115 km². Penilaian susulan / terperinci sumber mineral berlogam telah dilaksanakan di dua buah negeri iaitu Terengganu dan Sabah dengan jumlah kawasan liputan seluas 24 km².

Mineral Resource Evaluation

JMG conducted mineral resources evaluation for metallic, industrial, and energy minerals. From such evaluation, new deposits of bauxite and silica sand have been identified. Airborne geophysical survey was carried out in the East Coast Economic Region (ECER) to identify potential metallic mineral deposits.

Metallic Minerals

In 2016, reconnaissance evaluation for metallic mineral resources was conducted in four states, namely Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu and Kelantan, covering a total area of 115 km². Follow-up / detailed metallic mineral resource evaluation was carried out in two states, namely Terengganu and Sabah, covering a total area of 24 km².

Penilaian sumber mineral berlogam (tinjauan)
Metallic mineral resources assesment (reconnaissance)

Komoditi Commodity	Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan Findings
Timah Tin	Selangor	Lembangan Sungai Rui dan Sungai Rinting, Kuala Kubu Baru	25	Analisis awal menunjukkan beberapa lokaliti mempunyai nilai Sn yang tinggi bagi sampel kelodak (600 – 1,936 ppm) dan konsentrat (106,500 – 209,400 ppm). Initial analyses indicated that several localities are showing high Sn content in the silt samples (600 – 1,936 ppm) and in concentrates (106,500 – 209,400 ppm).
	Negeri Sembilan	Setul, Lenggeng	35	Kandungan Sn daripada tiga sampel yang dikutip adalah 973 ppm, 140,800 ppm dan 500,800 ppm. Sn contents in the three samples collected were 973 ppm, 140,800 ppm and 500,800 ppm respectively.
Emas Gold	Terengganu	Sungai Tapah, Setiu	5	Kemungkinan terdapat pemineralan emas dalam telerang kuarza di kawasan itu. There is possibility of gold mineralization in quartz veins in the area.
	Kelantan	Teleming, Gua Musang	50	Ada kemungkinan yang sangat tinggi pemineralan emas serta unsur seperti Ag-Pb-Sn-Mn di kawasan ini. Kepingan emas yang ditemui berbentuk subsegi dengan saiz sehingga 2 mm ditemui. There is a very high possibility of gold mineralization and other elements such as Ag-Pb-Sn-Mn in the area. Gold flakes found show sub-angular shape with sizes up to 2 mm.
Jumlah Liputan Total Coverage			115	

Penilaian sumber mineral berlogam (susulan / terperinci)
Metallic mineral resources assesment (follow up / detailed)

Komoditi Commodity	Negeri State	Lokasi Location	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan Findings
Emas Gold	Terengganu	Sg. Tapah, Setiu	20	Kandungan emas untuk sampel kelodak berjulat daripada 0.003 ppm – 0.44 ppm manakala untuk sampel konsentrat berjulat daripada 0.003 ppm – 567.27 ppm. Gold content for the silt samples ranges from 0.003 ppm – 0.44 ppm and 0.003 ppm – 567.27 ppm for concentrate samples.
Mangan Manganese	Sabah	Taritipan, Kota Marudu	4	Purata kandungan mangan dalam sampel tanah adalah 0.41% manakala dalam sampel batuan adalah 61.0%. The average of manganese content in soil samples was 0.41% whereas in rock samples was 61.0%.
Jumlah liputan Total coverage			24	



Terowong bekas lombong mangan di kawasan Blanta, Taritipan, Kota Marudu, Sabah
Ex-manganese mining adit at Blanta area, Taritipan, Kota Marudu, Sabah



Sampel bijih mangan dari kawasan Blanta, Taritipan Kota Marudu, Sabah
Manganese ore sample from Blanta area, Taritipan, Kota Marudu, Sabah

Mineral Perindustrian

Pada tahun-tahun yang akan datang, permintaan negara terhadap mineral mentah dan bahan binaan dijangka akan semakin meningkat. Pelan Induk Perindustrian menyatakan keperluan inventori sumber mineral perindustrian kebangsaan untuk membolehkan perancangan program perindustrian negara yang sistematik.

Dari sudut pandangan strategik, adalah mustahak bagi negara kita terus mengenal pasti sumber-sumber mineral perindustrian tempatan bagi memudahkan pembangunan negara. Pada masa yang sama, menggunakan sumber-sumber negara sendiri dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap mineral-mineral import.

Pada tahun 2016 penilaian telah dijalankan ke atas beberapa jenis mineral perindustrian iaitu bauksit dan pasir silika dengan jumlah kawasan liputan 46 km². Kajian yang dijalankan telah mengenal pasti anggaran 16.8 juta tan metrik bauksit dan 35.1 juta tan metrik pasir silika.

Industrial Minerals

In the years to come, the demand for raw minerals and construction materials are expected to increase. The Industrial Master Plan requires an inventory of national industrial mineral resources to enable systematic planning of the country's industrialization program.

From the strategic point of view, it is important for the country to continue to identify local industrial mineral resources to facilitate national development. At the same time, securing the country's own resources also reduces the nation's dependence on imported minerals.

In the year 2016, evaluations on several types of industrial minerals such as bauxite and silica sand were carried out, with a total coverage area of 46 km². The study has identified 16.8 million tonnes of bauxite and 35.1 million tonnes of silica sand.

Bauksit / Bauxite

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan Findings
Melaka	Merlimau	25	Kandungan alumina di kawasan ini adalah tinggi iaitu 44.0 – 57.3%. Kawasan ini dikenal pasti untuk kajian lanjut. The content of alumina is high, ranging from 44.0 – 57.3%. This area has been identified for further study.
Terengganu	Tanah kerajaan Perasing Jaya, Lembah Jabor, Kemaman	1.5	Anggaran rizab adalah sebanyak 6 juta tan metrik. The estimated reserve is 6 million tonnes.
	Tanah Sime Darby Plantation, Lembah Jabor, Kemaman	3.5	Anggaran rizab adalah sebanyak 10 juta tan metrik. The estimated reserve is 10 million tonnes.
Pahang	Felcra Bt. Segumpal, Maran	1	Lapisan laterit mengandungi bauksit bergred rendah yang berketebalan 1.0 – 4.8 m dengan anggaran rizab 0.8 juta tan. Layers of laterite with low grade bauxite with thickness ranging from 1.0 – 4.8 m with an estimated reserve of 0.8 million tonnes.
Sabah	Kg. Tapaang, Telupid	10	Julat ketebalan lapisan bauksit 0.2 – 2.0 m. Kandungan alumina adalah 15 – 49%. Kawasan ini dikenal pasti untuk kajian lanjut. The thickness of the bauxite layer ranges from 0.2 – 2.0 m. Alumina content from 15 – 49%. This area has been identified for further study.
Jumlah liputan Total coverage		41	

Pasir Silika / Silica Sand

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan Findings
Kelantan	Kawasan Utara Gunung Ayam, Lojing	5	Anggaran rizab adalah sebanyak 35.1 juta tan metrik. The estimated reserve is 35.1 million metric tonnes.



Pengorekan lelubang dengan menggunakan jengkaut di Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang
Pit excavations using a backhoe in Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang



Membuat log dan persampelan bauksit dalam lelubang di Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang
Logging and sampling for bauxite in a trial pit at Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang



Pengerimitan untuk menentukan ketebalan lapisan bauksit di Lembah Jabor, Kemaman
Hand augering to determine thickness of the bauxite layer at Lembah Jabor, Kemaman



Sampel bauksit dari Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang
Bauxite samples from Felcra Bt. Segumpal Maran, Pahang

Mineral Tenaga

Penilaian sumber batu arang telah dilaksanakan di Silantek East di Sri Aman, Sarawak meliputi kawasan berkeluasan 20 km². Tiga singkapan batu arang, dengan julat ketebalan 0.10 m hingga 0.34 m telah ditemui.

Energy Mineral

Coal resource evaluation was conducted in Silantek East in Sri Aman, Sarawak covering an area of 20 km². Three coal outcrops, ranging in thickness from 0.10 m to 0.34 m, were encountered.

Mineral Tenaga – Batu Arang Energy Mineral – Coal

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Darjat Rank	Penemuan Findings
Sarawak	Silantek East, Sri Aman	20	Bituminous	Tiga singkapan batu arang dengan ketebalan berjulat dari 0.10 m hingga 0.34 m telah dijumpai. Three coal outcrops, ranging in thickness from 0.10 m to 0.34 m, were found.

Survei Geofizik Awangan

JMG secara berterusan membantu dan bekerjasama dengan NRE dalam urusan berkaitan pembangunan mineral, terutamanya dalam pelan pembangunan potensi mineral di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Majlis Pembangunan ECER, pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 April 2015, telah meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk survei geofizik awangan di kawasan ECER. Survei ini bertujuan untuk mengenal pasti longgokan mineral berlogam yang berpotensi melalui penawanan, pemprosesan dan interpretasi data radiometrik dan magnetik. Fokus utama projek ini adalah untuk mengenal pasti potensi longgokan bagi enam jenis sumber mineral yang penting untuk pembangunan industri hiliran di kawasan ECER, iaitu bijih besi, batu kapur, pasir silika, tanah liat, feldspar, dan granit.

Penerbangan untuk survei geofizik awangan telah dilaksanakan dari 27 Ogos hingga 3 November 2016, melintasi 62,937 km dan meliputi jumlah keluasan 27, 921 km persegi. Peta yang sedang disediakan daripada data yang dikumpul akan memberikan maklumat mengenai % uranium (U), % torium (Th), % kalium (K), ternari plot, magnetik rantau plot, struktur geologi dan anomali

Airborne Geophysical Survey

JMG continued to assist and cooperate with NRE in matters relating to the development of the minerals sector, especially the mineral potential development plan of the Economic Corridor of East Region (ECER). The ECER Development Council, at its meeting chaired by The Honorable Prime Minister on 9 April 2015, approved an allocation of RM15 million for the airborne geophysical survey of the ECER area. The survey was aimed at identifying potential metallic mineral deposits through the acquisition, processing, and interpretation of airborne geophysical radiometric and magnetic data. The main focus of the project was to identify potential deposits of six mineral resources in the area which are important to the downstream industrial development of ECER, namely iron ore, limestone, silica sand, clay, feldspar, and granite.

The airborne geophysical survey flights were carried out between 27 August and 3 November 2016, traversing 62,937 km and covering a total area of 27,921 km². Maps under preparation from the data collected would provide information on % uranium (U), % thorium (Th), % potassium (K), ternary plots, regional magnetic plots, structural geology and anomalies.



Majlis menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Survei Geofizik Awangan
 Contract signing ceremony for Airborne Geophysical Survey Services



Pentauliah magnetometer mudah alih dan radiometrik
 Commissioning the mobile magnetometer and radiometric



Pesawat yang digunakan untuk survei geofizik awangan di Lapangan terbang Kerteh, Terengganu
 Aircraft used for geophysical airborne survey at Kerteh Airport, Terengganu



Mesyuarat dan perbincangan teknikal mengenai hasil survei
 Meeting and technical discussion of the survey results



Aktiviti Penilaian Sumber Mineral 2016
Mineral Resource Evaluation Activities 2016

Ekonomi Mineral

Dalam usaha untuk menyebarkan informasi mineral dalam Negara, sebanyak lima laporan telah diterbitkan:

1. Malaysian Minerals Yearbook,
2. Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia,
3. Malaysian Mining Industry,
4. Malaysian Mineral Trade Statistics, dan
5. Directory of Mineral-Based Industries in Malaysia.

Selain daripada menerbitkan lima laporan itu, JMG terus memberi input berkala mengenai status sektor mineral kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Di antara data yang dibekalkan adalah:

1. Laporan industri perlombongan kepada Bank Negara dan Jabatan Perangkaan,
2. Laporan pengeluaran bijih timah kepada Lembaga Timah,
3. Laporan pelaburan swasta kepada MIDA, serta
4. Laporan data pengeluaran batu arang, batu kapur serta serbuk kapur kepada Malaysian Green Technology Corporation (atau dahulu dikenali sebagai Pusat Tenaga Malaysia).

Input ini bertujuan untuk pengiraan sumbangan sector perlombongan kepada ekonomi negara oleh Bank Negara. Informasi ini juga digunakan untuk membuat formulasi imbangan tenaga negara, serta mengemaskini data inventori greenhouse gas (GHG) oleh Malaysian Green Technology Corporation.

Input JMG juga digunakan untuk formulasi perjanjian dalam dagangan dua hala dan kerjasama antarabangsa. Dalam hubungan ini, sejumlah lima nota ikhtisar Negara, iaitu dengan Perancis, Kazakhstan, India, Lao PDR dan China telah disediakan dalam tahun ini.

Di peringkat ASEAN, Malaysia telah menganjurkan mesyuarat berikut:

1. The 13th ASOMM (ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals) Working Group Meeting di Aseania Resort & SPA, Langkawi, Kedah, Malaysia, 2 – 4 Ogos, 2016
2. The 16th ASOMM (ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals) and the 9th ASOMM+3 Consultations di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia, 8 – 10 November, 2016

Mineral Economics

In an effort to disseminate the country's information on minerals, a total of five reports were published:

1. Malaysian Minerals Yearbook,
2. Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia,
3. Malaysian Mining Industry,
4. Malaysian Mineral Trade Statistics, and
5. Directory of Mineral-Based Industries in Malaysia.

Besides the publication of the five main reports, JMG continued to provide periodical inputs on the status of the minerals sector to the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), as well as to other related government agencies. Among the data supplied were:

1. Mining industry reports to Central Bank and Statistics Department,
2. Tin ore production reports to the Tin Board,
3. Private investment reports to MIDA, and
4. Coal, limestone and lime production reports to the Malaysian Green Technology Corporation (formerly known as Pusat Tenaga Malaysia).

These inputs were necessary for the calculation of the contribution of the mineral sector to the country's economy by the Central Bank. The information was also needed in the formulation of the national energy balance and in the updating of greenhouse gas (GHG) inventory data by Malaysian Green Technology Corporation.

JMG's input on minerals was also necessary in the formulation of bilateral trade agreements and in international cooperation. In this context, a total of five country briefs namely on Jordan, China, Japan, South Korea and South Africa were prepared in the year.

At the ASEAN level, Malaysia organized the following meetings:

1. The 13th ASOMM (ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals) Working Group Meeting at Aseania Resort & SPA, Langkawi, Kedah, Malaysia, from 2 – 4 August, 2016
2. The 16th ASOMM (ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals) and the 9th ASOMM+3 Consultations at Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia, from 8 – 10 November, 2016

Malaysia juga terlibat dalam mesyuarat dan bengkel berikut:

1. The 5th Training Course of China-ASEAN Mining Personnel Exchange & Training Center, 16 August – 13 September 2016 (Guangxi, China)

Bagi mengekalkan hubungan jabatan dengan pihak industri, JMG telah melakukan beberapa lawatan kerja ke lombong-lombong, kuari-kuari dan juga industri berasaskan mineral dalam Negara. Selain daripada itu, tujuan lawatan itu juga untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan pembangunan dan penggunaan bahan mineral serta produk-produk hiliran berasaskan mineral yang dihasilkan.



Pengeluaran mineral silika menggunakan kaedah “spiral” di Sungai Bakong, Marudi Sarawak
Production of silica mineral by the spiral method at Sungai Bakong, Marudi Sarawak

Malaysia also took part in the following meetings and workshops:

1. The 5th Training Course of China-ASEAN Mining Personnel Exchange & Training Center, 16 August – 13 September 2016 (Guangxi, China)

To maintain good rapport with the mineral industry, JMG organised several working visits to various mines, quarries and mineral-based industries in the country. The visits were also to collect information related to the development and utilization of minerals, as well as the production of value-added downstream mineral products.







Lawatan industri ke Zircosil (Malaysia) Sdn. Bhd. di Senawang, Seremban, Negeri Sembilan
Industrial visit to Zircosil (Malaysia) Sdn. Bhd. at Senawang, Seremban, Negeri Sembilan



Lawatan industri ke Sunway VCP Sdn. Bhd. di Klang, Selangor
Industrial visit to Sunway VCP Sdn. Bhd. at Klang, Selangor

Penerbitan Berkaitan Mineral

Mineral-Related Publications



Laporan yang diterbitkan oleh JMG pada tahun 2016
Reports published by JMG in 2016

Khidmat Nasihat Mineral

Khidmat nasihat mineral telah diberikan kepada pihak berkuasa negeri dan swasta berkenaan ulasan guna tanah dan pembebasan mineral sama ada secara lisan atau ulasan bertulis.

Mineral Advisory Services

Mineral advisory services pertaining to land use and mineral clearance were provided to the state authorities as well as the private sector. The reviews were both verbal and written.

Mineral advisory services Khidmat nasihat mineral

Pejabat JMG JMG Office	Jenis khidmat nasihat Type of advisory services		
	Ulasan guna tanah Landuse review (bil. / no.)	Ulasan pembebasan mineral Mineral clearance review (bil. / no.)	Pertanyaan Enquiries (bil. / no.)
Ibu Pejabat / Headquarters	-	-	33
Johor	97	289	34
Melaka	3	-	-
Negeri Sembilan	123	-	6
Selangor	54	13	85
Perak	171	66	21
Kedah	26	7	24
Pulau Pinang	12	-	-
Perlis	7	-	-
Kelantan	4	41	12
Terengganu	89	19	18
Pahang	48	116	15
Sarawak	24	5	129
Sabah	63	-	-
Jumlah / Total:	721	556	377



Aktiviti Geosains
Geoscience Activities

Aktiviti Geosains

Geoscience Activities

Aktiviti geosains dilaksanakan oleh jabatan untuk menyediakan maklumat geologi yang berguna dalam bidang seperti pemetaan geologi, geologi warisan, hidrogeologi, geologi kejuruteraan, geologi alam sekitar, geologi marin, dan geoterma. Maklumat geosains yang berkualiti serta memenuhi kehendak pemegang taruh dan pelanggan adalah input penting yang diperlukan dalam perancangan guna tanah bagi mencapai pembangunan mampan, mengurangkan risiko bencana dan memelihara alam sekitar.

Pemetaan geologi dijalankan bagi mengumpul maklumat asas geologi yang amat diperlukan dalam kerja-kerja carigali sumber mineral, perancangan guna tanah dan juga untuk menentukan kesesuaian tapak untuk pembangunan. Pemetaan warisan geologi pula dapat menilai dan memelihara tapak geologi yang berpotensi sebagai tapak warisan negara untuk dipromosikan sebagai kawasan geopelancongan serta kelestarian alam sekitar.

Maklumat hidrogeologi adalah penting dalam pengurusan sumber air tanah bagi memastikan ia dapat terus digunakan sebagai bekalan air negara, manakala maklumat pemetaan geobencana dan penilaian risiko bencana, terutamanya di kawasan perbandaran dan penempatan, amat berguna kepada pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan yang lebih sistematik.

Geoscience activities are carried out to gather useful geological information in the field of geological mapping, geological heritage, hydrogeology, engineering geology, environmental geology, marine geology, and geothermal. Quality geosciences information, which meets the needs of stakeholders and clients, provides vital input needed in land use planning for sustainable development, reducing the risks of disaster and protects the environment.

Geological mapping is carried out to collect basic geological information that is very much needed in the exploration of mineral resources and land use planning, as well as to determine whether a land is suitability for site development. Geological heritage mapping is carried out to assess and conserve potential geological sites as national heritage while promoting geotourism and environmental sustainability.

Hydrogeological information is important in the management of groundwater resources to ensure groundwater resource remains available for the nation's water supplies, while information from geohazard mapping and disaster risk assessment, especially in the urban and settlement areas, assist the local authorities in systematic development planning.

Pemetaan Geologi Penyiasatan Geologi Sempadan Negara Sempadan Malaysia-Thailand

Projek Penyiasatan Geologi Bersama Sempadan Malaysia-Thailand dilaksanakan di bawah payung *the Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Committee (MT-JGSC)*. Projek ini yang melibatkan kerjasama teknikal dalam bidang geosains dan mineral di antara Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan Department of Mineral Resources Thailand telah dijalankan sejak tahun 2000. Projek dijalankan bertujuan untuk menyelaraskan sempadan geologi serta korelasi unit-unit batuan di kawasan sempadan kedua-dua Negara.

Pada tahun 2016, kajian terperinci korelasi stratigrafi telah dijalankan bersama pihak Thai di kawasan yang telah dipetakan. Kompilasi laporan geologi dan sumber mineral di sepanjang kawasan sempadan Malaysia-Thailand diteruskan pada tahun 2016. Tiga laporan yang telah siap dan terbitkan pada tahun 2016 ialah:

- i. *Detailed study on Carboniferous radiolaria in radiolarian-bearing rocks along the Malaysia-Thailand border*
- ii. *Quantitative Rockfall Hazard Assessment for Bukit Lagi, Perlis, Malaysia using LiDAR Technology*
- iii. *Geology of the Langkawi-Tarutao area along the Malaysia-Thailand border*

Dua projek yang telah dimulakan pada tahun 2016 dan akan siap pada tahun 2017, iaitu:

- i. *Stratigraphic correlation between the Setul Formation and the ThungSong Group*
- ii. *Detailed study on Permian-Triassic radiolaria in radiolarian-bearing rocks along the Malaysia-Thailand border*

Geological Mapping Cross-Border Geological Mapping Malaysia-Thailand Border

The Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Project is implemented under the umbrella of the Malaysia-Thailand Border Joint Geological Survey Committee (MT-JGSC). The project which involves technical cooperation in the field of geoscience and minerals between Department of Mineral and Geoscience Malaysia and Department of Mineral Resources Thailand since its implementation in 2000. The project is carried out to correlate the geological boundary of rock units along the common border of both countries.

During 2016, a detailed study on the stratigraphic correlation was jointly carried out with the Thai counterpart in areas which were previously mapped. Compilation of report on the geology and mineral resources along the Malaysia-Thailand border was continued in 2016. Three reports that were completed and published during the period under review were:

- i. *Detailed study on Carboniferous radiolaria in radiolarian-bearing rocks along the Malaysia-Thailand border*
- ii. *Quantitative Rockfall Hazard Assessment for Bukit Lagi, Perlis, Malaysia using LiDAR Technology*
- iii. *Geology of the Langkawi-Tarutao area along the Malaysia-Thailand border*

Two projects that were initiated during 2016 and will be completed in 2017 were:

- i. *Stratigraphic correlation between the Setul Formation and the ThungSong Group*
- ii. *Detailed study on Permian-Triassic radiolaria in radiolarian-bearing rocks along the Malaysia-Thailand border.*

Pemetaan Geologi Khusus

Pemetaan Sesar Aktif dan Kawasan Risiko Gempa Bumi

Walaupun Malaysia terletak di atas pentas benua Sundaland yang agak stabil, sebahagian negara ini adalah seismik aktif disebabkan oleh pergerakan Kepingan India-Australia ke bawah Kepingan Sunda di persimpangan yang lebih dikenali sebagai Lingkaran Api Pasifik. Di mesyuarat yang telah diadakan pada 8 November 1993, bersama-sama pelbagai agensi dan wakil daripada World Seismic Safety Initiative (WSSI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mencapai konsensus bahawa risiko seismik perlu diambil kira dalam perancangan pembangunan fizikal negara. Kebimbangan tentang aktiviti seismik dan kesan kerosakan olehnya di Malaysia telah mendorong JMG memulakan projek kajian sesar aktif dan risiko gempa bumi di Sabah, Sarawak, dan beberapa negeri di Semenanjung untuk menilai risiko gempa bumi dan potensi kesan kerosakan mereka.

Kewujudan sesar aktif di beberapa lokasi di negara ini menunjukkan kemungkinan Malaysia mengalami gempa bumi skala sederhana pada masa hadapan walaupun terletak di luar Lingkaran Api Pasifik. Kajian Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapati Sabah berhadapan dengan risiko gempa bumi yang lebih besar berbanding Sarawak dan Semenanjung. Zon sesar aktif di Sabah yang mempunyai risiko gempa bumi yang lebih besar menganjur dari Kundasang-Ranau-Pitas ke Lahad Datu-Tawau-Kunak. Sepanjang tempoh 2009-2014, penyelidik Unit Kajian Bencana Alam UMS merekodkan sebanyak sembilan gegaran kecil antara 2.6 hingga 4.7 skala Richter di Ranau. Pada 5 Jun 2015, gempa bumi dengan kekuatan 6.0 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah. Di Sarawak, Jabatan Meteorologi Malaysia mengesan beberapa gegaran di kawasan utara negeri iaitu Bintulu, Batu Niah, Suai, Miri, Limbang dan Lawas yang kesemuanya terletak disepanjang garis sesar utama gempa bumi. Di Semenanjung, gempa bumi yang kerap dialami di sepanjang zon sesar aktif dari seluruh Bukit Tinggi-Janda Baik sehingga ke Kuala Lumpur.

Specific Geological Mapping

Active Fault and Earthquake Risk Area Mapping

Although Malaysia is located on the relatively stable Sundaland continental shelf, parts of the country are seismically active due to the movement of the Indian-Australian plate as it dips beneath the Sunda Plate at the junction better known as the Pacific Ring of Fire. At a meeting, held on 8th November 1993, with various agencies of the World Seismic Safety Initiative (WSSI), the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) arrived at a consensus that seismic risks needed to be considered in planning national physical development. JMG has initiated a mapping project on the active faults in Sabah, Sarawak and a few states in Peninsular Malaysia to assess earthquake risks and their potential damaging effects.

The existence of active faults in several locations in the country shows a likelihood that Malaysia may encounter medium scale earthquakes in the future even though it is located outside the Pacific Ring of Fire. Studies conducted by Universiti Malaysia Sabah (UMS) reveal that Sabah faces a greater risk of earthquakes as compared to Sarawak and the Peninsula. Active fault zones in Sabah that are at greater risks earthquakes extend from Kundasang, Ranau, Pitas to Lahad Datu-Tawau-Kunak. During the period from 2009-2014, researchers at the Natural Disaster Research Unit of UMS encountered nine small tremors ranging from 2.6 to 4.7 on the Richter scale recorded in Ranau. On 5 June 2015, an earthquake with a magnitude of 6.0 on the Richter scale struck Ranau, Sabah. In Sarawak, the Malaysian Meteorological Department detected a number of tremors in the northern divisions of Bintulu, Batu Niah, Suai, Miri, Limbang and Lawas, all of which are along the major fault line. In the Peninsula, frequent earthquakes are experienced along the active fault zone from around Bukit Tinggi-Janda Baik to Kuala Lumpur.

Pemetaan sesar aktif dan kawasan risiko gempa bumi
Active fault and earthquake risk area mapping

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km²)	Catatan / Remarks
Negeri Sembilan	Kuala Pilah	30	Rekod gempa bumi menunjukkan berlakunya aktiviti seismic di 4 lokasi bermula dari Ulu Bendol hingga ke Kg. Parit Lebar. Records indicate the occurrence of earthquake activities at 4 locations stretching from Ulu Bendol up to Kg. Parit Lebar.
Pahang	Bukit Tinggi dan Janda Baik	165	Cerapan telah dilakukan ke atas sebanyak 151 lokaliti di sekitar 32 titik gempa dengan menemui triangular facet, sungai teralih, dan sungai terpancung yang mungkin menunjukkan kehadiran sesar aktif. Observation made on a total of 151 localities around 32 epicenters has found triangular facets, offset stream and beheaded stream that may indicate the presence of active faults.
Selangor	Hulu Yam, Batang Kali, Gombak	1813	Cerapan telah dilakukan ke atas sebanyak 48 lokaliti dengan punggutan sebanyak 31 sampel batuan di kawasan sekitar 5 epicenter di kawasan Ulu Yam dan Gombak. Observation was made on a total of 48 localities with the collection of 31 rock samples at the vicinity of 5 epicenters in Ulu Yam and Gombak.
Sarawak	Niah	7503	Aktiviti projek difokuskan kepada pengumpulan data-data geologi dan geofizik, serta sampel batuan dan air. Satu draf laporan telah disediakan. The project activities were focused on the collection of geological and geophysical data, as well as rocks and water samples.
Sabah	Ranau	412	Tujuh sesar aktif telah dikenal pasti iaitu Sesar Kedamaian, Sesar Lobou-Lobou, Sesar Mensaban, Sesar Mesilau, Sesar Mamut, Sesar Nalapak dan Sesar Perancangan. Sejumlah 10 monumen dicadangkan untuk dibina bagi tujuan pemantauan. Seven active faults were identified namely Kedamaian fault, Lobou-Lobou fault, Mensaban fault, Mesilau fault, Mamut fault, Nalapak fault and Perancangan fault. A total 10 monuments will be constructed for monitoring purpose.
	Lahad Datu	715	Lapan sesar aktif telah dikenal pasti iaitu Sesar Danum, Sesar Lahad Datu, Sesar Tomanggong, Sesar Segama, Sesar Togopi, Sesar Tanduo dan Sesar Tabin. Sejumlah 10 monumen dicadangkan untuk dibina bagi tujuan pemantauan. Seven active faults were identified namely Danum fault, Lahad Datu fault, Tomanggong fault, Segama fault, Togopi fault, Tanduo fault and Tabin fault. A total 10 monuments will be construct for monitoring purpose.
Terengganu	Tasik Kenyir	800	Cerapan telah dilakukan ke atas sebanyak 75 lokaliti di Kuala Pueh, Kuala Berang dan Jalan Gawi Aring. Bukti-bukti seperti muka upam dan sungai teralih yang mungkin menunjukkan kehadiran sesar aktif telah ditemui. Observation was made on a total of 75 localities at Kuala Pueh, Kuala Berang and Jalan Gawi-Aring. Evidences such as slickenside and offset stream that may indicate an active fault were found.
Jumlah Liputan / Total Coverage:		11,468	



Pemetaan Sesar Aktif dan Kawasan Risiko Gempa Bumi 2016
Active Fault and Earthquake Risk Area Mapping 2016



Triangular facets yang dihasilkan oleh pergerakan tektonik menegak di Bukit Tinggi, Pahang
 Triangular facets produced by vertical tectonic movement at Bukit Tinggi, Pahang



Kesan-kesan muka upam akibat pergerakan sesar mendatar di Lahad Datu, Sabah
 Slickenside caused by strike slip fault movement in Lahad Datu, Sabah

Menjejak Dinosaur

Misi menjejak dinosaur diteruskan pada tahun 2016 di Bukit Panau, Kelantan dan di kawasan Felda Selancar, Pahang hingga ke kawasan Segamat, Johor.

Dinosaur Tracking

The mission to tracks dinasour is continued in 2016 at Bukit Panau, Kelantan and areas around Felda Selancar in Pahang until Segamat in Johor.

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Kelantan	Bukit Panau	4	Lapisan konglomerat dan lapisan syal merah yang berpotensi sebagai kawasan fosil vetebrata Jura-Kapur telah dikenal pasti. Conglomerate and shale layers potential for the Jura-Cretaceous vertebrate fossils have been identified.
Pahang dan Johor	Felda Selancar, Pahang -Segamat, Johor	-	Satu kerja lapangan telah diadakan di kawasan yang didasari oleh batuan sedimen kebenuaan berusia Jura-Kapur (JK), bermula dari Felda Selancar di Pahang hingga ke Segamat di Johor, untuk menjejak fosil. Walau bagaimanapun, tiada sebarang fosil dinosaur ditemui. A field trip was carried out in the area underlain by the Jurassic-Cretaceous (JK) continental deposits, stretching from Felda Selancar in Pahang to Segamat in Johor, to search for dinosaur fossil. However, no dinosaur fossils were found.

Geologi Warisan

Kajian geologi warisan telah dijalankan bagi memastikan khazanah alam semulajadi yang sangat berharga dapat dipulihara bagi tatapan generasi akan datang. Menerusi kajian ini, konsep tapak terpelihara, monumen geologi, taman geologi dan lanskap berpemandangan indah dapat diperkenalkan kepada orang awam. Kajian kebolehlaksanaan bagi tapak geologi warisan telah dijalankan di tapak-tapak terpilih bagi cadangan penarafan sama ada sebagai geotapak, tapak warisan geologi kebangsaan atau geopark.

Heritage Geology


Geological heritage studies were carried out to ensure that the conservation of natural heritages for its future generations. Through these studies, the concept of preserved sites, geological monuments, geological parks and beautiful landscapes could be promoted and made known to the public. Feasibility studies for geological heritage were carried out at selected sites with the view to propose the various locations as possible geosites, national geological heritage or geoparks.

Pemetaan warisan geologi Geological heritage mapping

Negeri State	Kawasan Area	Tujuan Purpose	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Sarawak	Delta Sarawak	Cadangan Geopark Delta Sarawak Proposed Sarawak Delta Geopark	<p>Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak telah diperhalusi dan diserahkan kepada Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar yang akan bertanggungjawab membentangkan usul cadangan Geopark Delta Sarawak ke Kabinet Negeri Sarawak.</p> <p>Masing-masing sembilan dan empat geotapak telah dicari dan dipetakan di Geo-kawasan Bako dan Bau. Geotapak-geotapak tersebut menghimpunkan geodiversiti dan fitur-fitur geologi istimewa yang bernilai warisan pada taraf serantau, kebangsaan dan tempatan.</p> <p>The Sarawak State Executive Council paper was finalised and submitted to Ministry of Resource Planning and Environment (MRPE) which is responsible for presenting the proposed Sarawak Delta Geopark to the State Cabinet.</p> <p>Nine and four geosites have been characterised and mapped in Bako and Bau Geo-areas respectively. These geosites contains geodiversities and important geological features that are highly valuable in heritage at regional, national and local level.</p>
Perak	Lembah Kinta	Lembah Kinta Geopark Kinta Valley Geopark	<p>Kawasan cadangan pembangunan Geopark Lembah Kinta dengan keluasan 1952 kilometer persegi.</p> <p>The proposed Kinta Valley Geopark covers an area of 1952 square kilometers.</p>



Aktiviti Pemetaan Warisan Geologi 2016
Geological Heritage Mapping Activities 2016



Lokasi Cadangan Geopark Delta Sarawak
Location of the Proposed Sarawak Delta Geopark

Hidrogeologi

Aktiviti hidrogeologi telah dijalankan oleh pejabat negeri bagi mendapatkan maklumat air tanah yang bertujuan untuk menilai potensi sumber air tanah dan untuk membekalkan air bersih kepada penduduk di kawasan yang sering menghadapi masalah bekalan air. Di samping itu, pihak jabatan juga menggalakkan penggunaan air tanah sebagai sumber air alternatif. Pada tahun 2016, sebanyak 112 telaga eksplorasi telah digerudi, 36 telaga pengeluaran dan 10 telaga pemantauan telah berjaya dibangunkan untuk sumber air.

Di bawah Projek Khas Bekalan Air, jabatan telah menyumbang kepakaran dalam bidang air tanah melalui kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA), Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta beberapa agensi kerajaan negeri yang mengawalselia sumber air.

Jalinan kerjasama juga diadakan dengan pihak Jabatan Alam Sekitar bagi mengawal kebakaran kawasan tanah gambut yang sering berlaku pada musim kering. Penggerudian dan pembinaan telaga untuk tujuan memadam kebakaran di kawasan tanah gambut telah dijalankan oleh JMG di Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Sarawak. Pihak JMG juga membantu pihak Kementerian Kesihatan dalam membuat perakuan terhadap permohonan pengeluaran air mineral di negeri-negeri.

Antara fungsi utama jabatan adalah untuk menentukan aktiviti perlombongan mineral dan aktiviti berkaitan dijalankan secara selamat, efisien dan memenuhi standard alam sekitar dan amalan kejuruteraan terbaik. Jabatan terus melaksanakan tugasnya dalam bidang penguatkuasaan, pengeluaran lesen dan permit, serta memantau operasi perlombongan dan pengkuarian. Terdapat sebanyak 168 buah lombong, 379 kuari serta 108 peniaga bijih dan loji pemprosesan mineral beroperasi pada akhir tahun 2016.

Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari

Pemeriksaan teknikal operasi perlombongan, pengkuarian dan pemprosesan mineral telah dijalankan bertujuan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat lesen atau kelulusan yang berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan alam sekitar. Jabatan ini juga menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan lapangan yang merupakan sebahagian daripada pra-syarat untuk penyediaan laporan yang berkaitan dengan permohonan tenemen mineral, kelulusan kerja peletupan, aduan serta kejadian kemalangan di lombong dan kuari.

Pada tahun 2016, sebanyak 2513 pemeriksaan teknikal telah dilaksanakan meliputi 908 pemeriksaan ke atas operasi perlombongan, 1343 pemeriksaan ke kuari, 132 pemeriksaan ke kilang amang (hasil samping perlombongan bijih timah) dan loji pemprosesan mineral, serta 130 pemeriksaan ke atas urus niaga pemegang lesen bijih mineral dan emas mentah.

Tambahan kepada pengawalseliaan ke atas kerja peletupan yang dijalankan di lombong dan kuari, pihak JMG juga dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menilai serta memantau kerja-kerja peletupan yang dijalankan dalam kawasan pembangunan. Kerja peletupan untuk 198 projek pembangunan telah diperiksa dan dinilai sepanjang tahun ini.

Monitoring & Enforcement

Among the primary functions of the department is to ensure that mining, quarrying and related activities are carried out safely and efficiently, and conforming to environmental standards and best engineering practices. The department continued to discharge its duties in the areas of enforcement, issuance of licenses and permits, and also the monitoring of mining and quarrying operations. There were 168 mines, 379 quarries, as well as 108 ore dealers and mineral processing plant operating at the end of 2016.

Technical Inspection of Mine and Quarry Operations

Technical inspections of mining, quarrying and mineral processing operations were conducted to ensure compliance with the conditions stipulated in the licences or approvals with regard to safety and the protection of the environment. The department also carried out field inspections and investigations, a prerequisite for the preparation of reports pertaining to applications for mineral tenements, blasting works approvals, complaints, and mine or quarry accidents.

In 2016, a total of 2513 technical inspections were carried out, covering 908 inspections on mining operations, 1343 on quarries, 132 inspections on amang (a tin mining by-product) and mineral processing plant operations, and 130 on mineral ores and raw gold licence holders.

In addition to the supervision of blasting works carried out in mines and quarries, the state JMG offices were also referred to by the Local Authorities for assistance in the evaluation and monitoring of blasting activities in areas undergoing development. Blasting works in 198 developmental projects were assessed and evaluated during the year.

Pemantauan dan Kawalseliaan Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian

Tugas pemantauan dan pengawalseliaan yang dijalankan ke atas aktiviti perlombongan dan pengkuarian adalah untuk memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dijalankan secara teratur dan sistematik, mengikut amalan kejuruteraan terbaik dan mematuhi peruntukan perundangan. Aspek keselamatan operasi perlombongan adalah tertakluk di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen atau Ordinan Perlombongan Negeri manakala bagi operasi pengkuarian pula adalah tertakluk kepada Peraturan Kuari Negeri.

Operasi perlombongan dan pengkuarian pada lazimnya akan memberi kesan kepada alam sekitar. Oleh itu, adalah penting operasi tersebut melaksanakan langkah secukupnya untuk menangani kemungkinan pencemaran terhadap air dan udara serta kesan gegaran bumi dan kebingitan bunyi akibat kerja peletupan. Justeru itu bagi memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuariaan dijalankan dengan baik, kerja pemantauan berkala telah dilakukan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 518 persampelan efluen lombong dan 316 kerja pemantauan gegaran dan peletupan telah dijalankan.

Pihak jabatan amat mengambil perhatian terhadap aduan pihak awam berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Sejumlah 98 aduan telah diterima dan disiasat manakala sebanyak 38 perintah dan arahan telah dikeluarkan kepada pengusaha.



Pengawalseliaan peletupan detonator elektronik di Kuari Bentara Gemilang Sdn. Bhd., Bandar Seri Alam, Johor
Supervision of electronic detonator blasting at Kuari Bentara Gemilang Sdn. Bhd., Bandar Seri Alam, Johor

Monitoring and Supervision of Mining and Quarrying Activities

The task of monitoring and supervising mining and quarrying activities was to ensure that these operations were carried out in an orderly and systematic manner in accordance with the best engineering practices and that they complied with the relevant laws and regulations. The safety aspects of mining operations come under the purview of the Mineral Development Act 1994 and State Mining Enactments or Ordinances while quarry operations are regulated by State Quarry Rules.

Mine and quarry operations inevitably have an impact on the environment. Therefore, it is important for such operations to implement necessary measures to mitigate potential water and air pollution as well as the impact of ground vibration and air blast (noise) due to blasting. Thus, to ensure that mine and quarry activities are carried out properly, periodic monitoring is conducted. In 2016, a total of 518 mine effluent samplings, as well as 316 monitoring exercises on vibration and blasts were undertaken by the department throughout the year.

Public complaints on mine and quarry operations are of concern to the department. Following the department's investigation into 98 complaints, 38 orders and instructions were issued to errant miners and quarry operators.



Siasatan tanah runtuh akibat peletupan batuan di Kuari CMS Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak
Investigation of blast-induced landslides at CMS Quarries Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak

Pelesenan

Di bawah Akta Pembangunan Mineral (APM) 1994, pemegang pajakan melombong hendaklah mengemukakan dan mendapatkan kelulusan bagi suatu skim pengendalian melombong daripada Pengarah Galian sebelum sebarang operasi pembangunan dan perlombongan dilaksanakan. Pada tahun 2016, pihak jabatan telah meluluskan sejumlah 117 Skim Pengendalian Melombong di bawah APM dan 165 Surat Kebenaran Pengkuarian di bawah Peraturan Kuari Negeri kepada pengusaha kuari di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Lesen Bijih Mineral dan Lesen Pembeli Emas yang dikeluarkan di bawah Enakmen Bijih Mineral dan Enakmen Pembeli Emas Mentah membenarkan pemegangnya untuk membeli, menjual, menyimpan dan memproses bijih mineral dan emas mentah masing-masingnya. Lesen ini dikeluarkan secara tahunan dan luput pada akhir tahun kalendar. Sebanyak 78 Lesen Bijih Mineral, dan 4 Lesen Pembeli Emas telah dikeluarkan sepanjang 2016. Selain itu pihak jabatan juga telah mengeluarkan sebanyak 183 Permit Mengangkut Bijih Padat Timah bagi tujuan mengangkut konsentrat timah dari lombong, kedai pembeli bijih atau loji pemrosesan amang ke kilang pelebur timah, Malaysia Smelting Corporation, di Pulau Pinang.

Seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Kuari, semua operasi yang ditakrifkan sebagai kuari di bawah Peraturan Kuari mesti diurus oleh seorang Pengurus Kuari. Mereka yang dilantik sebagai Pengurus Kuari mesti menunjukkan kecekapan beliau dengan melulusi ujian Pengurus Kuari yang dijalankan oleh Jabatan. Pada tahun 2016, sebanyak 5 ujian Pengurus Kuari telah dilaksanakan oleh Jabatan.

Adalah menjadi objektif jabatan untuk memastikan semua kerja peletupan di lombong, kuari dan juga projek pembangunan di bawah kawal seliaan jabatan dijalankan dengan selamat. Justeru, jabatan telah menjalankan Ujian Pembedil Amali kepada calon yang telah lulus Peperiksaan Pembedil Teori. Hanya calon yang lulus kedua-dua ujian akan dikeluarkan Sijil Pembedil sebagai pembedil berkelayakan dan dibenarkan menjalankan kerja peletupan. Pada tahun 2016, pihak Jabatan telah menjalankan sebanyak 41 Ujian Amali Pembedil, mengeluarkan sejumlah 32 Sijil Pembedil baru dan juga telah memperbaharui 157 sijil kepada pemohon yang layak. Sehingga akhir tahun 2016, terdapat sejumlah 803 pemegang Sijil Pembedil di seluruh negara.

Sebahagian mineral yang dihasilkan di negara ini dieksport ke luar negara. Bagi tujuan mengeksport bahan mineral dan batuan, pengeksport memerlukan permit eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Satu laporan penilaian teknikal yang disediakan oleh JMG perlu disertakan untuk setiap permohonan. Pada tahun 2016, sebanyak 870 dan 1445 laporan penilaian teknikal telah disediakan bagi eksport mineral dan bahan batuan masing-masing.

Licensing

Under the Mineral Development Act (MDA) 1994, a mining lease holder needs to submit and obtain approval from the Director of Mines for an operational mining scheme before any development or mining commences. For the year 2016, the department approved a total of 117 Operational Mining Schemes under the Mineral Development Act 1994, and issued 165 Letters of Authority to Quarry under the state Quarry Rules to quarry operators in Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu and Negeri Sembilan.

The Mineral Ores and Gold Buyers Licences issued under the Mineral Ores Enactment and Gold Buyers Enactment authorise licence holders to buy, sell, store, and treat mineral ores and raw gold respectively. These licences are issued annually and they expire at the end of each calendar year. A total of 78 Mineral Ore Licences, and 4 Raw Gold Buyers Licences were issued in 2016. Apart from that the department also issued a total of 183 Tin Ore Concentrate Transport Permits for the purpose of transporting tin concentrates from the mines, tin ore dealers or amang processing plants to the tin smelter, Malaysia Smelting Corporation, in Pulau Pinang.

As stipulated in the Quarry Rules, all operations defined as quarries under the Quarries Rules must be managed by a Quarry Manager. The person appointed as a Quarry Manager must demonstrate his competency by passing the department's Quarry Manager Test. In 2016, a total of 5 Quarry Manager Tests were conducted by the department.

It is the objective of the department to ensure that all blasting works in mines, quarries, and other development projects under the supervision of the department are carried out in a safe manner. Thus, the department conducted Shotfirer Practical Tests for candidates who had passed the Shotfirer Theory Examination. Only candidates who had passed both tests were issued Shotfirer Certificates as qualified shotfirers and allowed to carry out blasting work. In 2016, the department conducted 41 Shotfirer Practical Tests, and issued a total of 32 new Shotfirer Certificates. The department also renewed 157 certificates to qualified applicants. As of the end of 2016, there were a total of 803 shotfirer certificate holders in the country.

Some of the minerals produced in the country are exported. For the purpose of exporting minerals and rock material, an exporter needs to have an export permit issued by the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). A technical assessment report prepared by JMG has to be attached to each application. In 2016, a total of 870 and 1445 technical assessment reports were prepared for the export of minerals and rock material respectively.



Kursus pembedil anjuran bersama Persatuan Kuari Sarawak (SQA) dan JMG Malaysia di Kuching, Sarawak pada 06-07.09.2017
 Shot-firer course jointly-organised by Sarawak Quarry Association (SQA) and JMG Malaysia at Kuching, Sarawak on the 06-07.09.2017



Kursus Pengurus Lombong yang diadakan pada 28-29.09.2016 di Kuantan, Pahang
 Mining Management Course held on 28-29.09.2016 at Kuantan, Pahang

Khidmat Nasihat dan Kepakaran

Selain daripada menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan operasi perlombongan/ pengkuarian, jabatan juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat dan kepakaran kepada Pihak Berkuasa Negeri, industri dan juga orang ramai. Sebagai sebuah jabatan teknikal, Pihak Berkuasa Negeri kerap merujuk permohonan-permohonan berkaitan tanah lombong, tapak kuari dan lain-lain bagi mendapatkan pandangan dan perakuan teknikal sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Pada tahun 2016, jabatan telah menyediakan sebanyak 341 laporan Perakuan Permohonan Carigali/ Pajakan lombong. Manakala bagi permohonan tapak kuari, sebanyak 21 laporan teknikal telah disediakan kepada pihak berkuasa negeri.

Jabatan juga terlibat dengan laporan EIA, sebanyak 81 laporan ulasan EIA dan 227 laporan teknikal lain yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian telah disediakan. Selain dari itu, sebanyak 231 laporan pembebasan mineral telah disediakan dalam tahun 2016. Disamping itu pihak jabatan juga menerima sebanyak 1777 pertanyaan berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian.

Advisory and Expertise Services

Apart from the enforcement and monitoring of the mining/ quarrying operations, the department's duties include the rendering of advisory technical services to the State Authorities, industry, and also to the public. Being a technical department, the State Authorities frequently refer to this department for comments and assessment on applications for mining land, quarries and other legal aspects before any decision were taken.

In 2016, the Department prepared a total of 341 reports on applications for prospecting and mining rights. With regard to applications for quarries, 21 technical reports were prepared and sent to various State Authorities.

The department was involved in EIA reports, and 81 reports and 227 other technical reports were prepared in relation to mining and quarrying proposals. In addition, 231 Mineral Clearance reports were prepared in 2016. Apart from that the department also received a total of 1777 enquiries on mine and quarry activities.



Pemeriksaan konsainan mineral bersama oleh pegawai JMG Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Pelabuhan Kuching, Sarawak
Joint inspections of mineral consignments by officers of JMG Malaysia and Royal Malaysian Customs Department at Kuching Port, Sarawak

Aktiviti-aktiviti lain

Pihak jabatan juga menjalankan dialog, seminar dan pameran bagi meningkatkan kesedaran pihak awam terhadap industri mineral serta juga sebagai wadah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Sebanyak 14 seminar/dialog/pameran telah dibuat pada 2016.

Other Activities

The department also conducted dialogues, seminars and exhibitions so as to increase the public awareness on the mineral industry as well as, to solve issues and problems faced by the public pertaining to mining and quarrying activities. A total of 14 seminars/ dialogues/ exhibitions was conducted in 2016.

Senarai Aktiviti Pembangunan Lombong & Kuari Dalam Tahun 2016
List of Mine & Quarry Development Activities in 2016

	Johor	Negeri Sembilan	Melaka	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Kelantan	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	JUMLAH
Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari / Technical Inspection of Mine & Quarry Operations														
Pemeriksaan teknikal operasi lombong Mining operation technical inspection	105	5	0	24	300	33	0	0	107	43	248	28	15	908
Pemeriksaan teknikal operasi kuari Quarrying operation technical inspection	77	150	18	150	453	38	18	166	74	20	85	15	79	1343
Pemeriksaan teknikal operasi kilang amang /loji pemrosesan mineral Amang plant / mineral processing plant operations technical inspection	16	0	0	2	104	4	0	6	0	0	0	0	0	132
Pemeriksaan teknikal tapak peletupan (selain kuari) Technical inspection of blasting sites (other than quarries)	7	1	0	35	27	14	0	112	0	0	0	2	0	198
Pemeriksaan teknikal kawasan carigali Technical inspection of exploration areas	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	4
Pemeriksaan buku urusniaga mineral (termasuk kedai bijih / kedai emas) Account books inspection on mineral dealings (including tin ore dealer / gold dealer)	38	0	0	19	48	11	0	4	5	0	5	0	0	130
Pemantauan dan Kawalselia Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian / Monitoring of Mining & Quarrying Activities														
Persampelan efluen lombong Mine effluent sampling	0	0	0	0	460	6	0	0	0	0	47	2	3	518
Siasatan aduan Complaint investigation	8	5	0	8	14	4	2	24	17	1	9	2	4	98
Perintah dan arahan Orders and instructions	3	0	0	4	6	3	0	7	0	0	0	2	13	38
Kompaun Compounds	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Laporan kemalangan lombong dan kuari Mining and quarrying accident reports	0	0	0	0	6	1	0	2	2	0	0	1	0	12
Kerja ukur tanah sempadan dan cerun Survey works on land boundary and slope	0	0	0	0	0	0	0	0	6	6	82	0	1	95

	Johor	Negeri Sembilan	Melaka	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Kelantan	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	JUMLAH
Kerja ukur gegaran/habuk/kebingitan dan pemantauan peletupan Vibration and blast monitoring	2	11	0	50	112	4	2	102	9	0	10	3	11	316
Pelesenan / Licensing														
Skim Pengendalian Melombong Operational Mining Scheme	18	1	0	2	15	7	0	0	14	14	32	13	1	117
Surat Kebenaran Pengkuarian Letter of Authority to Quarry	0	19	0	25	68	0	0	0	11	13	29	0	0	165
Lesen Bawah Tanah Underground Licence	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Lesen Air Tahanan / Negeri/ Permit Air Annual /State Water Licence/Water Permit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1
Lesen Membeli Emas Mentah Gold Buyers Licence	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	2	0	0	4
Lesen Bijih Mineral Mineral Ores Licence	0	0	0	0	56	13	0	9	0	0	0	0	0	78
Permit Mengangkut Bijih Padat Timah Tin Ore Concentrate Transport Permit	19	0	0	2	144	2	0	0	0	2	14	0	0	183
Laporan penilaian teknikal eksport mineral Technical assessment report for mineral export	139	32	0	120	471	6	0	26	40	16	14	6	0	870
Laporan teknikal perakuan eksport bahan batuan Technical assessment report for rock material export	272	0	0	176	700	205	0	0	3	12	0	39	38	1445
Permit Letupan Blasting Permit	6	2	8	0	68	21	5	16	0	2	0	0	0	128
Laporan perakuan magazin letupan Report for explosives magazine approval	5	3	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	4	14
Pengeluaran / pembaharuan Sijil Pembidil Issuance / renewal of Shot Firer Certificate	13	8	0	23	34	7	1	21	5	16	12	16	22	178
Lencongan sungai River diversion	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1

	Johor	Negeri Sembilan	Melaka	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Kelantan	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	JUMLAH
Ujian pengurus lombong/kuari Test for mine / quarry managers	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	2	2	0	5
Ujian amali pembedil Shot firer practical test	4	7	0	19	4	5	0	0	2	0	0	8	3	52
Khidmat Nasihat dan Kepakaran / Advisory and Professional Services														
Ulasan laporan EIA EIA report review	3	0	0	20	0	1	0	2	3	0	0	5	47	81
Laporan permohonan lesen carigali / pajakan Prospecting and mining lease application report	31	2	2	0	38	8	0	0	25	42	181	4	8	341
Laporan permohonan tanah kuari Quarry land application report	1	0	0	0	0	0	0	0	0	10	8	2	0	21
Laporan pembebasan mineral Mineral clearance report	0	0	0	0	90	5	0	2	2	10	117	5	0	231
Lain-lain laporan teknikal untuk agensi lain Miscellaneous technical report for other agencies	30	7	4	35	0	23	6	36	6	0	0	1	79	190
Pertanyaan mengenai maklumat lombong/kuari Enquiries on mining / quarrying information	60	12	0	2	0	25	4	23	90	16	1242	95	208	1777
Lain-lain / Others														
Seminar / Dialog / Pameran Seminar / Dialogue / Exhibition	2	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	3	8	14



Penyelidikan & Pembangunan **Research & Development**

Penyelidikan & Pembangunan

Research & Development

Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) merupakan bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia.

Objektif PPM adalah:

- Untuk menggalak dan mempelbagai penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor perindustrian negara melalui R&D
- Untuk menggalak pengusahahasilan sumber mineral secara mapan melalui R&D

Antara fungsi PPM ialah:

- Menjalankan R&D berasaskan mineral tempatan supaya dapat menghasilkan bahan mula dan bahan tambah nilai untuk digunakan oleh industri
- Membangun teknologi pemprosesan mineral dan kitar semula yang bersesuaian
- Menjalankan penyelidikan bersama Institusi Pengajian Tinggi, agensi R&D yang lain serta pihak industri dalam bidang mineral
- Mengkomersil hasil R&D yang signifikan melalui pemindahan teknologi kepada pihak yang berminat
- Berperanan sebagai penasihat dan pusat rujukan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan mineral tempatan
- Menjalankan R&D berkaitan pengusahahasilan mineral, impak alam sekitar dan pemulihan serta menyediakan perkhidmatan sokongan kepada jabatan dalam menangani masalah yang berkaitan

The Mineral Research Centre (PPM) is the research and development (R&D) arm of the Department of Mineral and Geoscience Malaysia (JMG)

The objectives of PPM are:

- To encourage and diversify use of local mineral resources so as to contribute towards the development of the country's industrial sector through R&D
- To encourage the development of mineral resources in a sustainable manner through R&D

Among its functions are:

- To carry out R&D on local minerals in order to produce starting and value added materials for industrial use
- To develop suitable mineral processing and recycling technologies
- To carry out collaborative research with institutes of higher learning, other R&D agencies and industries in the field of minerals
- To commercialise significant R&D results through technology transfer to interested parties
- To assume advisory role and act as a reference centre in areas related to research in local minerals
- To undertake R&D in mineral extraction, environmental impact and rehabilitation as well as providing support services to the department in overcoming related problems

Teknologi Berasaskan Lempung

Clay-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	Teknologi penghasilan jasad seramik teknikal	<p>i. Penghasilan jasad porselin tahan kejutan haba Dua jasad porselin keras tahan kejutan haba yang mempunyai kekuatan patah (MOR) tinggi dan pekali pengembangan terma (CTE) rendah telah dihasilkan menggunakan spodumen sebagai bahan fluks utama, serta bahan-bahan mentah seramik tempatan iaitu lempung bebola dari Kg. Coldstream, kaolin dari Bidor dan pasir silika dari Bintulu. Salah satu daripada jasad porselin telah memenangi pingat emas di pertandingan iidex2016.</p> <p>ii. Penghasilan jasad porselin kalis nyala Usaha pertama projek ini ditumpukan kepada fabrikasi bahan prabakar rendah CTE untuk digunakan sebagai komponen utama dalam penghasilan jasad-jasad porselin yang boleh tahan pembakaran terus dan haba yang tidak sekata dengan nyalaan yang tinggi. Bahan prabakar rendah CTE menghasilkan kawasan-kawasan tumpat bersaiz sesuai dalam matrik jasadnya di mana agregat-agregat tumpat telah dihasilkan melalui proses-proses penggilingan. Usaha kedua bertujuan untuk merekabentuk campuran-campuran jasad porselin yang sesuai menggunakan bahan-bahan prabakar dan lempung telah menghasilkan produk ujian yang mempunyai CTE setinggi $3.16 \times 10^{-6} / ^\circ\text{C}$ yang sesuai untuk porselin kalis nyala.</p>
	Technical ceramic body production technology	<p>i. Production of anti-thermal shock porcelain body Two anti-thermal shock hard porcelain bodies with high rupture strength (MOR) and low coefficient of thermal expansion (CTE) were produced using spodumene as the main flux and local raw ceramic materials such as ball clay from Kg. Coldstream, kaolin from Bidor and silica sand from Bintulu. One of the porcelain bodies won a gold medal at the iidex2016 competition.</p> <p>ii. Production of flameproof porcelain body The first attempt in this project was focused on the fabrication of a suitable pre-fired material of low CTE for incorporation as the chief component in the making of porcelain bodies that could withstand direct and uneven contact with intense flames. The low CTE pre-fired material developed dense regions of sufficient size in its fired body matrix from which dense aggregates were produced by the milling processes. The second attempt aimed at formulating suitable porcelain body mixtures using the pre-fired material and clay materials produced a test product with CTE of $3.16 \times 10^{-6} / ^\circ\text{C}$ which was suited to flameproof porcelain ware.</p>

Teknologi penghasiian jasad seramik teknikal Technical ceramic body production technology



Butir-butir bahan prabakar yang dihasilkan
Pre-fired granular material produced



Ujian tahan kejutan haba sedang dijalankan
Anti-thermal shock testing



Porselin tahan kejutan haba yang dihasilkan
Anti-thermal shock porcelain produced

Teknologi Berasaskan Batuan

Rock-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	<p>Teknik penghasilan kalsium karbonat sintetik berongga bagi kegunaan teknologi tinggi</p> <p>Techniques to produce hollow synthetic calcium carbonate for high technology applications</p>	<p>i. Penghasilan kalsium karbonat sintetik (PCC) berongga menggunakan teknik semburan Sungguhpun PCC berongga boleh dihasilkan dengan menggunakan teknik semburan, produk yang terhasil dalam kajian ini didapati tidak berongga sepenuhnya. Kajian akan diteruskan dengan teknik yang sama, tetapi dengan perubahan yang sesuai dibuat ke atas parameter aliran gas CO₂, kadar adukan dan bahan tambah.</p> <p>ii. Penghasilan PCC berongga menggunakan kaedah ais kisar ionik bersukrosa Teknik lain yang digunakan dalam penghasilan PCC berongga adalah dengan pengkarbonatan ais kisar ionik bersukrosa. Didapati PCC yang terhasil dalam kajian ini juga tidak berongga, tetapi lebih halus berbanding PCC yang terhasil menggunakan teknik semburan.</p> <p>i. Production of hollow PCC using the spray technique While hollow PCC can be produced using spray techniques, the product obtained in the present study was found not to be completely hollow. The study will continue with the same technique being used, but with appropriate changes made to the parameters of gas flow rate, stirring rate and additives.</p> <p>ii. Production of hollow PCC using the ice blended ionic sucrose method Another technique used in the production of hollow PCC is by the carbonation of ice blended ionic sucrose. The PCC produced in the present study was also found not to be hollow, but was finer than the product obtained using the spray technique.</p>
2	<p>Penghasilan pulpa kenaf berpengisi PCC menggunakan teknik <i>in situ</i> untuk penghasilan perkakas biodegradasi (BDU)</p> <p>Production of PCC loaded kenaf pulp by the <i>in situ</i> technique for the production of biodegradable utensil (BDU)</p>	<p>Atas permintaan dari Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), kajian ini telah dijalankan untuk mengurangkan penggunaan pulpa kenaf dalam penghasilan BDU. Kajian ini menunjukkan BDU dapat dihasilkan dengan menggunakan pulpa tersebut.</p> <p>At the request of National Kenaf and Tobacco Board (LKTN), this study was undertaken to reduce the use of kenaf pulp in the production of BDU. The study showed that kenaf pulp could be used to produce BDU.</p>
3	<p>Perkhidmatan ujian batu dimensi Dimension stone testing services</p>	<p>Sejumlah 150 spesimen dari pihak swasta telah diuji. A total of 150 specimens from private sectors were tested.</p>

Teknologi Berasaskan Silika

Silica-Based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	Penghasilan kaca seramik berliang daripada sisa kaca soda-kapur-silikat dan abu terbang	Satu kajian telah dijalankan untuk menghasilkan kaca seramik berliang untuk digunakan sebagai penebat haba, penebat bunyi, agregat ringan atau penapis air daripada kombinasi sisa kaca soda-kapur-silikat, abu terbang dan silikon karbida komersil (sebagai ejen pembuihan). Kaca seramik berliang yang dihasilkan dengan kaedah ini adalah berkost rendah kerana ia menggunakan bahan kitar semula sebagai bahan mentah, dan ia dijalankan pada suhu pemrosesan yang agak rendah (<1000 °C). Keputusan kajian mendapati bahawa perubahan suhu pensinteran, masa rendaman dan kadar pemanasan tidak memberikan sebarang kesan kepada jenis fasa kristal yang terbentuk termasuk intensitinya, tetapi ia memberi kesan kepada ketumpatan pukal, kekuatan mampatan, keliangan ketara dan penyerapan air.
	Production of porous glass ceramics from the waste of soda-lime-silicate glass and fly ash	A study was undertaken to produce porous glass ceramic for the fabrication of heat insulation, sound insulation, and lightweight aggregate for water filters using a combination of soda-lime-silicate glass, fly ash and commercial silicon carbide (as a foaming agent) to form a porous structure. Porous glass ceramic produced by this method is low cost because it uses recycled materials as raw materials, and is carried out at a relatively low processing temperature (<1,000 °C). The results of this study showed that changes in the sintering temperature, soaking time, and heating rates had no impact on the nature of the crystalline phase formed including its intensity, but it affected bulk density, compressive strength, apparent porosity, and water absorption.

Penghasilan kaca seramik berliang daripada sisa kaca soda-kapur-silikat dan abu terbang

Production of porous glass ceramics from the waste of soda-lime-silicate glass and fly ash



Teknologi Bahan Termaju


Advanced Material Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	<p>Penyediaan granit bersaiz nano daripada sisa kuari menggunakan teknik pemendakan basah</p> <p>Preparation of nano-sized granite from quarry waste via the wet precipitation method</p>	<p>Kajian ini memfokuskan kepada penyediaan granit bersaiz nano dari sisa kuari bagi menambahbaik sifat-sifat fizikal, mekanikal dan kimia marmar sintetik. Sisa granit dari kuari granit di Keramat Pulai, Ipoh telah digunakan sebagai bahan mentah untuk penghasilan granit bersaiz nano dengan teknik pemendakan basah. Kaedah ini melibatkan tindakbalas sisa kuari dengan larutan alkali natrium hidroksida (NaOH) dan kalium hidroksida (KOH). Dalam kajian ini, kesan penggunaan peralatan ultrasonik dan parameter suhu tindakbalas berjulat dari suhu bilik sehingga 100 °C telah dikaji. Hasil kajian mendapati dengan menggunakan larutan alkali NaOH pada suhu tindakbalas antara 80-100 °C disertai pengadukan ultrasonik menghasilkan sisa kuari granit bersaiz di bawah 100 nm. Granit bersaiz nano ini akan digunakan sebagai pengisi dalam kajian penghasilan produk marmar sintetik.</p> <p>The study focused on the preparation of nano-sized granite from quarry waste to further improve the physical, mechanical and chemical properties of synthetic marble. Granite quarry waste from Keramat Pulai, Ipoh, was used as raw material to produce nano-sized granite by the wet precipitation method. The procedure involved reaction of the quarry waste with an alkaline solution of sodium hydroxide (NaOH) and potassium hydroxide (KOH). In this study, the effect of using ultrasonic equipment and reaction temperatures ranging from room temperature up to 100 °C was investigated. The results revealed that the use of NaOH at reaction temperatures between 80-100 °C accompanied by ultrasonic agitation produced a granite quarry waste preparation below 100 nm in size. This nano-sized granite will be used as a filler in the production of synthetic marble.</p>
2	<p>Penghasilan marmar sintetik menggunakan sisa industri pengkuarian batu kapur dan granit</p> <p>Production of synthetic marble using industrial quarry waste of limestone and granite</p>	<p>Kajian ini bertujuan mempelbagai dan menambah penggunaan sisa industri pengkuarian dengan penghasilan produk marmar sintetik berkualiti tinggi yang memenuhi spesifikasi produk global. Sisa kuari batu kapur dan sisa kuari granit dari Keramat Pulai, Ipoh, Perak telah digunakan sebagai pengisi semulajadi dalam penghasilan marmar sintetik. Penggunaan 60-70% sisa kuari batu kapur dan 10% sisa kuari granit dalam formulasi telah meningkatkan sifat mekanikal yang memenuhi spesifikasi produk komersial. Marmar sintetik yang dihasilkan mempunyai aplikasi yang luas dalam produk <i>solid surface</i> seperti kaunter dapur, mangkuk dan sinki, tab mandi, dinding bilik mandi dan lain-lain lagi.</p> <p>The aim of this study was to diversify and to increase the uses of industrial quarry waste by producing high quality synthetic marble that meets global product specifications. Limestone quarry waste and granite quarry waste from Keramat Pulai, Ipoh, Perak, were used as natural filler in the production of synthetic marble. The use of 60-70% limestone waste and 10% of granite quarry waste in the formulations increased the mechanical properties of the preparation that met the specifications of the commercial product. Synthetic marble produced has wide applications in solid surface products such as kitchen countertops, vanity sinks and bowls, bathtubs, shower walls, etc.</p>

Penyediaan granit bersaiz nano daripada sisa kuari menggunakan teknik pemendakan basah
Preparation of nano-sized granite from quarry waste via the wet precipitation method



Sisa kuari granit yang digunakan untuk penghasilan granit bersaiz nano
Granite quarry waste used for the preparation of nano-sized granite



Sisa kuari granit bersaiz nano dalam bentuk gel
A nano-sized granite quarry waste in gel form

112

Penghasilan marmar sintetik menggunakan sisa industri pengkuarian batu kapur dan granit
Production of synthetic marble using industrial quarry waste of limestone and granite



Marmar sintetik yang dihasilkan dari sisa kuari batu kapur dan granit
Synthetic marble produced using industrial quarry waste of limestone and granite

Teknologi Pemulihan Lombong Dan Kuari

Mine And Quarry Rehabilitation Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	Kajian teknik pitoremediasi bagi pemulihan kolam bekas lombong	Pitoremediasi merujuk kepada teknologi yang menggunakan tumbuh-tumbuhan yang hidup untuk membersihkan tanah, udara, dan air yang tercemar dengan bahan kimia berbahaya. Ia adalah satu pendekatan penyah toksikan yang berasaskan tumbuhan yang mengambil kesempatan daripada keupayaan tumbuhan untuk mengumpul unsur-unsur dan sebatian dari alam sekitaran seterusnya memetabolismakan pelbagai sebatian berbahaya dalam tisu mereka. Kaedah yang dikaji oleh Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) adalah kombinasi pitoremediasi dan penggunaan "Floating Platform for Plantation (FPP)". Dengan menggunakan pendekatan ini, pokok-pokok ditanam secara terapung di dalam kolam bekas lombong akan menyerap logam berat melalui akar dan menggumpulkan mereka di batang dan daunnya. Satu spesies yang tahan lasak, rumput <i>vertiver</i> , telah digunakan dalam kajian awal ini. FPP telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIpo) di kategori Industrial Design pada 15 Julai 2016.
	Phytoremediation study for the rehabilitation of ex-mining ponds	Phytoremediation refers to technologies that use living plants to clean up soil, air, and water contaminated with hazardous chemicals. Phytoremediation is a cost-effective plant-based approach of environmental de-toxification that takes advantage of the ability of plants to concentrate elements and compounds from the environment and to metabolize various hazardous compounds in their tissues. The method studied by PPM is a combination of a phytoremediation technique and the use of the "Floating Platform for Plantation (FPP)". Using this approach, plants grown on platforms floated in ex-mining ponds will absorb heavy metals through their roots and accumulate in stems and leaves. A hardy species, vertiver grass, was used in this initial study. FPP was registered with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIpo) in the Industrial Design category on 15 July 2016.
2	Punca pembahagian habuk bawaan udara di sekitar Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SASPS) menggunakan analisis kuantitatif	Penyelidikan bersama ke atas corak pembahagian debu halus telah dijalankan di sekitar kawasan SASPS atas permintaan Enviro Exceltech Sdn Bhd (EESB) sebagai perkhidmatan profesional dari PPM. Gangguan yang disebabkan oleh habuk bawaan udara akan dikaji bagi tempoh 12 bulan, yang melibatkan kawasan kajian 15 km radius dari SASPS. Cadangan komprehensif dan Terma Rujukan (TOR) telah disediakan untuk projek ini, objektif utama kajian ini adalah untuk mengukur kepekatan kadar pendedapan habuk (DDR), jumlah habuk terampai (TSP), habuk halus kurang daripada 10 mikron (PM10) dan habuk halus kurang daripada 2.5 micron (PM2.5).
	Source apportionment of airborne dust surrounding the Sultan Azlan Shah Power Station (SASPS) using quantitative analysis	Collaborative research on the apportionment pattern of fine dust of adjacent to the Sultan Azlan Shah Power Station (SASPS) was undertaken at the request of Enviro Exceltech Sdn Bhd (EESB) for professional services from PPM. The nuisance caused by airborne dust would be studied over 12 months, involving a study area of 15 km radius from SASPS. A comprehensive proposal and the Terms of Reference (TOR) had been prepared for this project, the main objectives of which were to measure the concentration of dust deposition rate (DDR), total suspended particulates (TSP), particulate matter less than 10 microns (PM10) and particulate matter of less than 2.5 microns (PM2.5).

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
3	<p>Seni bina dan pemodelan sistem kuari berasaskan objek data bersepadu - projek kerjasama dengan UKM</p> <p>Architecture and modelling of quarry system based on integrated data object - collaborative project with UKM</p>	<p>Pembangunan seni bina dan pemodelan sistem alam sekitar menggunakan objek data bersepadu adalah penyelesaian bertujuan untuk mengembangkan pengurusan set data alam sekitar yang dinamik supaya ia lebih mudah dikongsikan. Kajian ini dijalankan dalam lima fasa, meliputi: 1) reka bentuk konsep, 2) perwakilan dan penggubalan objek data, 3) seni bina dan reka bentuk sistem, 4) pembangunan sistem dan pelaksanaan, dan 5) pengakuan dan pengesahan sistem. Kajian utama bertujuan untuk membangunkan cara bagaimana komponen kuari alam sekitar seperti pencemaran habuk, getaran dan bunyi bising (PVN) berkait antara satu sama lain dan dapat dimodelkan ke dalam bentuk objek digital (DO). Objek bersepadu kemudiannya dimasukkan ke dalam sistem repositori utama untuk manipulasi DO dengan lebih mudah.</p> <p>The development of architecture and modelling for an environmental system of integrated data object is a solution aimed at expanding the management of the dynamic environmental data-sets to be more amenable to sharing. The research would be conducted in five phases covering: 1) conceptual design, 2) data object representation and formulation, 3) architecture and system design, 4) system development and implementation, and 5) system validation and confirmation. The main study seeks to establish how particulate environmental quarry components such as pollutants, vibrations and noise (PVN) and their relationships can be modelled into forms of digital objects (DO). The integrated objects are then incorporated into a primary repository system for easy manipulation of the DOs.</p>
4.	<p>Pembangunan Perisian Quarry Environmental Modelling Software (QEMs)</p> <p>Development of Quarry Environmental Modelling Software (QEMs)</p>	<p>Dalam tahun 2016, Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) telah menjalankan kajian untuk membangunkan satu lagi perisian baru iaitu Quarry Environmental Modelling Software (QEMs). Perisian ini adalah satu modul baru yang menggabungkan penambahbaikan Indeks Particulate Quarry dan perisian Noise Software (QPIN) yang dibangunkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>Perisian baru yang direka sendiri oleh PPM untuk mengenal pasti punca debu, bunyi bising dan gegaran akibat aktiviti pembedilan di kuari-kuari. Hak cipta untuk perisian ini telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 17 November 2016.</p> <p>In 2016, the Mineral Research Centre conducted a study to develop a new software called Quarry Environmental Modelling Software (QEMs). This software is a new module that incorporates enhancements to the Quarry Particulate Index and Noise Software (QPIN) software developed the previous year.</p> <p>This new software was designed by PPM to identify the cause of dust pollution and its control, and noise and blasting vibration in quarries. Copyright for the software was registered with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 17 November 2016.</p>

Teknologi Pemrosesan Mineral

Mineral Processing Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	Aktiviti penyelidikan ke atas bijih kompleks tempatan Research activities on local complex ores	Penyelidikan ini tertumpu kepada bijih emas kompleks yang diambil dari lombong emas di Pahang. Ujian imbasan FESEM menunjukkan bahawa bijih ini mengandungi zarah emas submikroskopik < 5 µm dalam mineral sulfida (pirit dan arsenopirit). Ujian-ujian pemrosesan telah dijalankan menggunakan kaedah fizikal (meja ayun) dan fiziko-kimia (pengapungan buih). Gred Au telah meningkat daripada 2.3 ppm kepada 120 ppm dengan cara ini. The research focused on complex gold ores collected from gold mines in Pahang. FESEM scanning tests showed that the ore contained submicroscopic particles of gold <5 µm in sulfide minerals (pyrite and arsenopyrite). Processing tests were carried out using physical methods (shaking table) and by procedures for physico-chemical properties (froth flotation). Au grade was increased from 2.3 ppm to 120 ppm by such means.
2	Aktiviti penyelidikan untuk proses penghasilan produk dan pengekstrakan unsur nadir bumi dari sumber tempatan Research activities for production and extraction of rare earth elements (REEs) from local sources	Objektif projek ini adalah untuk menghasilkan unsur nadir bumi (REEs) daripada amang (hasil sampingan perlombongan bijih timah) dengan menggunakan pemrosesan secara fizikal dan pengekstrakan secara kimia. Sampel dari kilang amang di Perak telah tertakluk kepada proses pemisahan secara fizikal menggunakan meja ayun, alat pemisah bermagnet dan alat pengasingan bervoltan tinggi. Produk mineral yang terhasil dari proses ini adalah monazit dan xenotim yang mengandungi REEs. Berdasarkan kepada analisis pencirian ke atas produk yang terhasil, kandungan monazit telah ditingkatkan daripada 9.17% kepada 62.96% manakala kandungan xenotim meningkat daripada 1.23% kepada 21.86%. The objective of this project was to produce rare earth elements (REEs) from amang (a by-product of tin mining) using physical processing and chemical extraction. Samples from the amang plant in Perak were subjected to a physical separation process using a shaking table, magnetic separator, and a high voltage separator. Mineral products resulting from this process were monazite and xenotime which contained REEs. Based on a characterization analysis of the products, monazite content was increased from 9.17% to 62.96% while the xenotime content increased from 1.23% to 21.86%.
3	Penyelidikan kontrak berkaitan pemrosesan mineral untuk industri Contract research related to mineral processing for the industry	Penyelidikan kontrak yang dilaksanakan termasuk: i) Pemrosesan dan pencirian sampel pasir bekas lombong yang diterima daripada pelanggan individu. ii) Ujian pengasingan magnetik dan pengasingan elektrostatik bagi sampel 'black sand' untuk pelajar sarjana dari Universiti Malaysia Perlis. Contract research undertaken included: i. Processing and characterization tests of ex-mining sand sample received from individual customers. ii. Magnetic and electrostatic separation tests for a 'black sand' sample received from a postgraduate student of University Malaysia Perlis.
4	Perkhidmatan ujian pemrosesan bijih timah Tin ore processing testing service	Sejumlah 3 ujian pemrosesan bijih timah telah dijalankan untuk pihak swasta A total of 3 tin ore processing tests were done for private sectors.

Aktiviti penyelidikan ke atas bijih kompleks tempatan
Research activities on local complex ores



Lawatan teknikal dan pengambilan sampel bijih emas kompleks dan bijih timah di Pahang
Technical visit and sampling of complex gold ore and tin ore in Pahang

Teknologi Perlombongan dan Pengkuarian

Mining and Quarrying Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
1	Penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau dalam perlombongan dan pengkuarian - teknologi rawatan AMD di kawasan Bukit Besi, Terengganu Research and development in mining and quarrying green technology - treatment technology for AMD at Bukit Besi, Terengganu	Aktiviti projek ini tertumpu kepada kajian lapangan, persampelan sedimen dan persampelan air di sekitar kawasan Bukit Besi. Sejumlah 22 lokasi persampelan air dan 12 lokasi persampelan sedimen telah dikenal pasti. Ujian <i>in situ</i> untuk kualiti air telah dilakukan sementara analisis sedimen telah dijalankan untuk menilai potensi sampel sedimen untuk menjana asid (AMD). Project activities were focused on field studies, sediment sampling, and water sampling at Bukit Besi and the surrounding areas. A total of 22 water sampling points and 12 sediment sampling points were identified. <i>In situ</i> tests for water quality were carried out while analyses for sediment were conducted to assess the potential of the sediment samples to generate acid (AMD).
2	Program pemantauan ke atas impak perlombongan bauksit di kawasan berkepentingan awam di Kuantan, Pahang Monitoring programme for impact of bauxite mining in a public interest area at Kuantan, Pahang	Tiga puluh lima titik pensampelan telah dipilih untuk kajian yang dijalankan untuk menentukan kualiti asas air di 21 lombong bauksit di Kuantan yang merupakan sebahagian daripada audit ke atas aktiviti-aktiviti dalam tempoh moratorium perlombongan bauksit. Analisis logam berat telah dijalankan di Pusat Penyelidikan Mineral di Ipoh, Perak. Satu laporan bertajuk " <i>Baseline Water Quality Data of Bauxite Mines in Kuantan, Pahang</i> " telah diterbitkan. Thirty-five sampling points were selected for a study undertaken to determine the baseline water quality at 21 bauxite mines in Kuantan as part of an audit on activities during a moratorium on bauxite mining. Analyses of heavy metals were conducted at the Minerals Research Centre in Ipoh, Perak. A report titled <i>Baseline Water Quality Data of Bauxite Mines in Kuantan, Pahang</i> was published.
3	Pemantauan dan penganalisan kualiti air di Pengkalan Hulu, Perak Monitoring and analysis of water quality at Pengkalan Hulu, Perak	Ini adalah projek kolaborasi yang dijalankan bersama JMG Perak sejak tahun 2014. Aktiviti projek ini tertumpu kepada kajian lapangan, persampelan dan analisis sampel air di 22 lokasi, termasuk 4 lombong (untuk efluen mereka) dan 18 sungai dan anak sungai di sekitar Pengkalan Hulu, Perak. Ujian pencirian secara <i>in situ</i> bagi kualiti air dilakukan setiap bulan sementara analisis kandungan logam berat pula dijalankan di makmal Pusat Penyelidikan Mineral di Ipoh, Perak, setiap tiga bulan. This is a collaborative project carried out with JMG Perak since 2014. The project activities focused on field studies, sampling and analysis of water samples at 22 points, including 4 mine sites (for their effluents) and 18 rivers and streams around Pengkalan Hulu, Perak. <i>In situ</i> tests for water quality were conducted monthly while heavy metals analyses were carried out every three months in the laboratory at the Minerals Research Centre, Ipoh, Perak.

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks
4	<p>Analisis dan ujian sampel untuk potensi penjanaan asid</p> <p>Analysis and testing of samples for potential in generating acid</p>	<p>Analisis dan ujian sampel untuk potensi penjanaan AMD telah dijalankan bagi menilai potensi sesuatu batuan, tanah dan juga hampas loji di kawasan lombong berlogam untuk menjana AMD apabila terdedah kepada udara dan air. Analisis ini merangkumi beberapa ujian seperti Net Acid Generation Test (NAG), Acid Neutralizing Capacity (ANC) dan Ujian Kandungan Karbon dan Sulfur (CSA). Sampel-sampel yang telah dianalisis diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori iaitu; Potential Acid Forming (PAF), Non Acid Forming (NAF) dan Uncertain (UC). Pada tahun 2016, sebanyak 69 sampel telah diterima dari pihak industri untuk menentukan potensi penjanaan AMD. Sebanyak 150 ujian telah dijalankan dan lima (5) laporan analisis telah diserahkan kepada pihak industri.</p> <p>Analysis and testing of samples for potential acid mine drainage (AMD) generation were conducted to assess the potential of rocks, soils and tailings from metallic mining area to generate AMD when exposed to air and water. This analysis included several tests such as the Net Acid Generation (NAG) Test, Acid Neutralizing Capacity (ANC) and Carbon and Sulfur (CSA) Determination Test. Analysed samples were classified into three categories, viz. Potential Acid Forming (PAF), Non Acid Forming (NAF) and Uncertain (UC). Sixty-nine samples were received from the industry in 2016 to determine their AMD potential. A total of 150 tests were conducted and five analysis reports were issued to the industry.</p>

Penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau dalam perlombongan dan pengkuarian
Research and development in mining and quarrying green technology



Persampelan sedimen di Bukit Besi
 Sediment sampling in Bukit Besi

Cawangan Pelaksana dan Pengkomersialan

Commercialization Section

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Findings / Remarks																				
1	Harta intelek bagi hasil penyelidikan Intellectual properties of research findings	<p>Hasil dari penyelidikan Jabatan, satu paten telah difailkan, satu reka bentuk perindustrian telah didaftarkan dan dua perisian telah difailkan untuk hakcipta pada tahun 2016.</p> <p>Arising from research of the Department, one patent was filed, an industrial design was registered while two softwares were filed for copyright in 2016.</p> <p>Senarai hasil penyelidikan PPM di bawah pendaftaran harta intelek List of research findings registered under intellectual property</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil. No.</th> <th>Tajuk Title</th> <th>Tarikh Pendaftaran Filing Date</th> <th>No. Permohonan Application No.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Floating Platform for Plantation</td> <td>15.07.2016</td> <td>16-E0153-0101</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Quarry Dust Deposition Rate Modelling Software (QDDRM V3.1)</td> <td>17.11.2016</td> <td>LY2016003082a LY2016003082b</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Quarry Environmental Modelling Software (QEM V1.0)</td> <td>17.11.2016</td> <td>LY2016003083a LY2016003083b</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>A Method of Producing Precipitated Calcium Carbonate</td> <td>28.12.2016</td> <td>PI 2016704847</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. No.	Tajuk Title	Tarikh Pendaftaran Filing Date	No. Permohonan Application No.	1.	Floating Platform for Plantation	15.07.2016	16-E0153-0101	2.	Quarry Dust Deposition Rate Modelling Software (QDDRM V3.1)	17.11.2016	LY2016003082a LY2016003082b	3.	Quarry Environmental Modelling Software (QEM V1.0)	17.11.2016	LY2016003083a LY2016003083b	4.	A Method of Producing Precipitated Calcium Carbonate	28.12.2016	PI 2016704847
Bil. No.	Tajuk Title	Tarikh Pendaftaran Filing Date	No. Permohonan Application No.																			
1.	Floating Platform for Plantation	15.07.2016	16-E0153-0101																			
2.	Quarry Dust Deposition Rate Modelling Software (QDDRM V3.1)	17.11.2016	LY2016003082a LY2016003082b																			
3.	Quarry Environmental Modelling Software (QEM V1.0)	17.11.2016	LY2016003083a LY2016003083b																			
4.	A Method of Producing Precipitated Calcium Carbonate	28.12.2016	PI 2016704847																			
2	Pensijilan MS ISO 9001:2008 MS ISO 9001:2008 Certification	<p>PPM-JMG telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati MS ISO 9001:2008 sejak tahun 2012. Pada tahun 2016, pensijilan ini telah diperbaharui dan akan kekal sah sehingga tahun 2018.</p> <p>PPM-JMG has implemented the Quality Management System conforming to MS ISO 9001: 2008 since 2012. In 2016, this certification was renewed and would remain valid until 2018.</p>																				

3 Penyertaan Dalam Pameran Dan Pertandingan

Participation in Exhibitions and Competitions

a) 27th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX 2016)

Pada International Invention and Innovation Exhibition Ke-27 (ITEX 2016) yang telah diadakan pada 12 – 14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hasil rekacipta Dr. Rohaya Othman dan pasukannya yang bertajuk *Eco Green Paper: Carbide Lime Waste As Paper Filler* telah memenangi pingat emas, manakala hasil rekacipta Dr. Izhar Abadi Ibrahim Rais yang bertajuk *Quarry Particulate Pollution Index And Noise Software Volume 1.0.0 (QPINS V1.0.0)* telah menerima pingat perak.

At the 27th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX'16) held on 12 – 14 May 2016 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), the invention of Dr. Rohaya Othman and her team titled *Eco Green Paper: Carbide Lime Filler Paper Waste as Paper Filler* won the gold medal, while the invention of Dr. Izhar Abadi Ibrahim Rais titled *Quarry Particulate Pollution Index Volume and Noise Software 1.0.0 (V1.0.0 QPINS)* was awarded a silver medal.

b) Invention, Innovation & Design Exposition 2016 (iidex2016)

Pada Invention, Innovation & Design Exposition 2016 (iidex2016) yang telah diadakan pada 20 – 23 September 2016 di Shah Alam, Selangor, hasil rekacipta Pn. Siti Mazatul Azwa Saiyed Mohd Nurddin dan pasukannya yang bertajuk *Malaysian Low Cost Leucite Ingot for Restorative Dental Applications* dan hasil rekacipta Pn. Aspaniza Ahmad dan pasukannya yang bertajuk *Anti Thermal Shock Porcelain Tablewares* telah merangkul pingat emas.

At the Invention, Innovation & Design Exposition 2016 (iidex2016) held on 20 – 23 September 2016 in Shah Alam, Selangor, the invention of Pn. Siti Mazatul Azwa Saiyed Mohd Nurddin and her team titled *Malaysian Low Cost Ingots Leucite for Restorative Dental Applications* and the invention by Pn. Aspaniza Ahmad and her team titled *Anti Thermal Shock Porcelain Tablewares* won gold medals.

c) Pertandingan Strategi Lautan Biru kebangsaan 2016 (NBOS Competition 2016)

National Blue Ocean Strategy (NBOS) Competition 2016

Pada Pertandingan Strategi Lautan Biru kebangsaan 2016, penyertaan dari PPM yang bertajuk *Simple and Cost Effective Method of Producing Paper with Addition of Filler, High Impact and Sustainable to Malaysia* oleh Dr. Rohaya Othman dan pasukannya telah memenangi hadiah saguhati Top 20 daripada lebih 2000 penyertaan dari pelbagai sektor industri, kerajaan dan swasta di seluruh negara.

At the National Blue Ocean Strategy (NBOS) Competition 2016, the entry from the Mineral Research Centre, Mineral and Geoscience Department Malaysia (PPM-JMG) titled *Simple and Cost Effective Method of Producing Paper with Addition of Filler: High Impact and Sustainable to Malaysia* by Dr. Rohaya Othman and her team won a Top 20 consolation prize from among more than 2000 entries from various sectors of industry, government and private sector in Malaysia.

27th International Invention and Innovation Exhibition (ITEX 2016)



121

Invention, Innovation & Design Exposition 2016 (iidx2016)





**Perkhidmatan
Sokongan Teknikal
Technical Support Services**

Perkhidmatan Sokongan Teknikal

Technical Support Services

Pengurusan Maklumat

Infrastruktur, Keselamatan dan Aplikasi ICT

Pusat Data JMG berjaya mengekalkan persijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS) bagi tempoh tiga tahun bermula tahun 2016 sehingga 2019. Ianya diperolehi setelah menjalani proses persijilan semula oleh pihak audit luar SIRIM QAS pada 4 dan 5 Julai 2016.

Pada awal tahun 2016, satu aplikasi baru yang dikenali sebagai “Sistem Maklumat Geospasial Terain Dan Cerun Negara (NaTSIS)” melibatkan 15 modul telah dibangunkan dan ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Teknikal (BPT). NaTSIS merupakan salah satu komponen dalam Projek Penghasilan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC), inisiatif di bawah Pelan Tindakan 2009-2023 di bawah Pelan Induk Cerun Negara (PICN). Objektif sistem ini, yang memerlukan perolehan perkakasan dan perisian, adalah untuk membangunkan infrastruktur pangkalan data geospasial terain dan cerun negara. Projek ini melibatkan penambahan *server, storage, tape library system, server racks, switch, bandwidth tool* dan perisian baru di Pusat Data JMG. Selain peralatan ICT, infrastruktur di Pusat Data juga telah dipertingkatkan dengan pendawaian elektrik baru dan penambahan satu unit pendingin udara.

JMG dalam perancangan untuk menaik taraf bandwidth rangkaian Kompleks JMG Ipoh bagi memenuhi keperluan Sistem NaTSIS. Manakala permohonan naik taraf bandwidth untuk Makmal Kuantan dari 2 Mbps kepada 6 Mbps masih dalam semakan MAMPU.

Penglibatan Pusat Data JMG dalam pelaksanaan projek Government Data Center (GDC-2) masih diteruskan. Walau bagaimanapun, Pengujian Pemulihan Bencana (DR Test) tidak dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan kerana penghijrahan Pusat Pemulihan Bencana ke Pusat Data Kerajaan, Bandar Enstek, sebagaimana yang diarahkan oleh MAMPU.

Information Management

ICT Infrastructure, Security and Application

JMG Data Center successfully maintained its MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS) certification for another three years, from 2016 until 2019. The certification was obtained after undergoing a re-certification process carried out by the external auditor SIRIM QAS on 4th and 5th July 2016.

In early 2016, a new application known as “National Geospatial Terrain and Slope Information System (NaTSIS)” involving 15 modules was developed and assigned to the Technical Services Division (BPT). NaTSIS is a component in the Slope Hazard and Risk Mapping Project, the initiatives under the National Slope Master Plan 2009-2023 Action Plan. The objective of this system, which required the procurement of both hardware and software, was to develop the database infrastructure for national geospatial terrain and slopes. The project involved the increment of server and storage capacity, and upgrades in the tape library system, server racks, switches, bandwidth tools and new software in the JMG Data Centre. Besides ICT equipment, infrastructure in the Data Center was also enhanced with new electrical wiring and additional air conditioning.

JMG is planning to upgrade network bandwidth in the Ipoh JMG Complex to meet the needs of NaTSIS System. The application to upgrade bandwidth from 2 Mbps to 6 Mbps for Kuantan Laboratory is being reviewed by MAMPU.

Participation of the JMG Data Centre in the Government Data Centre (GDC-2) project continued during the year. However, the Disaster Recovery Test (DR Test) could not be performed as scheduled because of the migration of the Disaster Recovery Center to the Government Data Centre, Bandar Enstek, as directed by MAMPU.

Pengurusan Data Berkomputer

Pada tahun ini, server-server Sistem Maklumat Mineral dan Geosains (MINGEOSIS) di BPT telah dipindahkan ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di Putrajaya, sementara server-server MINGEOSIS di Pusat Pemulihan Bencana (DRC) JMG telah dipindahkan dari Bangunan STRATEQ di Petaling Jaya ke PDSA beralamat di:

Institut Aminuddin Baki,
Kompleks Pendidikan Nilai,
Bandar Enstek,
71760 Labu,
Negeri Sembilan.
Koordinat GPS: 2.725299, 101.796205

JMG telah komited dengan lima *business case* di bawah Rangka Kerja Big Data Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Geologi) iaitu:

- i. Pemeliharaan Kawasan Warisan Geologi
- ii. Pemantauan Kawasan Lombong dan Kuari
- iii. Penggunaan Bersepadu Maklumat Potensi Air Tanah
- iv. Maklumat Potensi Sumber Mineral Ekonomi
- v. Pemantauan *Geohazard*

Sistem Maklumat Geografi dan Kartografi Berdigit

Pada tahun 2016, aktiviti penyediaan peta geologi digital, penghasilan peta tematik, pengumpulan dan perkongsian data spatial serta percetakan peta telah diteruskan. Di samping itu, kerja kartografi untuk penghasilan peta dan rajah dengan menggunakan perisian grafik masih diteruskan.

Tugasan utama Unit Aplikasi Sistem Maklumat Geografi dan Kartografi di Ibu Pejabat adalah aktiviti penjanaan peta tematik serta penyediaan set data geospatial bagi kegunaan secara dalaman dan agensi luar. Di samping itu, penyediaan maklumat melalui aplikasi perkhidmatan sesawang dan aplikasi MyGDI Explorer bagi tujuan perkongsian data dan maklumat turut dilaksanakan. Pada tahun 2016, sejumlah peta, set data, metadata dan perkhidmatan melalui sesawang telah disediakan bagi manfaat pengguna yang berkepentingan.

Computerized Data Management

During this year, Minerals and Geoscience Information System (MINGEOSIS) servers at BPT were transferred to the Public Sector Data Center (PDSA) in Putrajaya, while MINGEOSIS servers at the JMG Disaster Recovery Center (DRC) were moved from the STRATEQ Building in Petaling Jaya to the PDSA located at:

Institut Aminuddin Baki,
Kompleks Pendidikan Nilai,
Bandar Enstek,
71760 Labu,
Negeri Sembilan.
GPS coordinates: 2.725299, 101.796205

JMG made a commitment to five business programmes under the Big Data Framework of the Ministry of Natural Resources and Environment (Geology), namely:

- i. Geological Heritage Conservation Area
- ii. Mines and Quarries Monitoring Area
- iii. Use of Integrated Information on Groundwater Potential
- iv. Information on the Potential Economics Mineral Resource
- v. Geohazard Monitoring

Geographical Information System and Digital Cartography

In 2016, activities such as the preparation of digital geological maps, thematic map production, spatial data collection and sharing, as well as printing of maps continued. In addition, cartographic work for the production of diagrams and figures using graphics software was continued.

The major task of the Unit of Application of Geographic Information Systems and Cartography at the Headquarters was to generate thematic maps and to prepare geospatial data sets for the use of both internal and external agencies. In addition, preparation of information through the application of web services and the application of MyGDI Explorer for the purpose of data and information sharing were also implemented. In 2016, a number of maps, data sets, metadata and services were prepared through the website for the use of interested users.

Bil. No.	Aktiviti Activities	Pelanggan Customers	Bil. Peta/ data No. of map/ data
1.	Penjanaan Peta tematik Generation of Thematic maps	Dalaman / Internal	21 peta / maps
2.	Perkongsian set data geospasial Geospatial data sets sharing	Dalaman / Internal	86 set data / data sets
		Agensi Luar External agencies	10 set data / data sets
3.	Perkongsian melalui perkhidmatan sesawang Sharing through web services	MaCGDI, NRE	1 perkhidmatan / service
4.	Penyediaan maklumat melalui aplikasi MyGDI Explorer Preparation of information through the application of MyGDI Explorer	MaCGDI, NRE	24 metadata

Penerbitan dan Perpustakaan

Salah satu fungsi penting JMG adalah untuk mengumpul, menganalisis dan menyebarkan data dan maklumat yang berkaitan dengan mineral dan geosains. Dalam memenuhi peranan penting ini, JMG menerbitkan penemuan dan hasil penyelidikan dalam pelbagai laporan teknikal dan peta, dan juga menyebarkan penerbitan ini melalui perpustakaan negeri di seluruh Malaysia.

Di samping enam terbitan berkala tahunan, JMG juga telah menerbitkan laporan bertajuk *“Geology of the Langkawi-Tarutao Transect area along the Malaysia-Thailand Border”* dan juga Technical Papers Vol. 9.

JMG telah menerima seramai 2502 orang pelawat yang membuat rujukan, penyelidikan serta membeli laporan dan peta di perpustakaan. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2016 adalah sebanyak RM65,493, sedikit penurunan berbanding tahun lepas.

Publications and Library

One of the important functions of JMG is to collect, analyse and disseminate data and information pertaining to minerals and geoscience. In fulfilling this important role, JMG publishes its findings and research results in various technical reports and maps, and also disseminates these publications through its libraries in various states in the country.

Apart from six annual publications, a map report titled *“Geology of the Langkawi-Tarutao Transect area along the Malaysia-Thailand Border”* and Technical Papers Vol. 9 were also published.

A total of 2502 visitors visited the libraries for reference, research, and the purchase of reports and maps. The total revenue collected for 2016 was RM65,493, a slight decrease compared to the previous year’s.

Penjualan bahan terbitan jabatan
Sales of departmental publication

Perpustakaan Library	Jumlah pelawat No. of visitor	Laporan Report		Peta Map		Lain-lain Others	Jumlah penjualan Total sales (RM)
		Bil. No. of item	Jumlah Amount (RM)	Bil. No. of item	Jumlah Amount (RM)	Jumlah Amount (RM)	
Ibu Pejabat / Headquarters	745	190	12,535	200	16,977	30	29,542
Bahagian Perkhidmatan Teknikal / Technical Services Division	107	49	2900	28	2520	-	5420
Sarawak	872	114	9400	38	4050	240	13,690
Sabah	96	5	400	14	1350	-	1750
Johor	14	7	350	16	1480	-	1830
Negeri Sembilan / Melaka	30	6	286	5	500	-	786
Kedah / Perlis / Pulau Pinang	118	33	2305	14	1400	50	3755
Terengganu	70	27	1420	10	1000	-	2420
Pahang	420	28	2200	21	2150	-	4350
Kelantan	30	29	1050	9	900	-	1950
Jumlah Total	2502	488	32,846	355	32,327	320	65,493

*Nota: Ibu Pejabat JMG bertanggungjawab ke atas penjualan laporan dan peta di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Notes: JMG headquarters is responsible for the sales of reports and maps in Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Muzium Geologi

Muzium geologi yang ditempatkan di BPT (Ipoh), JMG Sarawak (Kuching) dan JMG Sabah (Kota Kinabalu) memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan pendidikan geosains di negara ini. Jumlah pelawat ke muzium geologi di Ipoh dan Kuching adalah masing-masing 7848 dan 135, sementara muzium geologi di JMG Sabah telah ditutup untuk ubahsuai.

Muzium Geologi Ipoh

Muzium Geologi Ipoh terletak di Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Kompleks JMG Ipoh yang terletak di Sultan Azlan Shah Road dan kira-kira 5 km dari Ipoh, ibu negeri Perak. Muzium ini telah dirasmikan pada tahun 1957 sebagai sebahagian daripada Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia pada ketika itu. Muzium ini telah dibuka kepada orang ramai sejak tahun 1978.

Muzium ini diakui antara yang mempunyai koleksi batuan dan mineral yang terbaik dan paling lengkap di Malaysia. Muzium ini juga terkenal dengan koleksi menarik fosil, batu permata dan pelbagai spesimen batu yang ditemui dan dikumpulkan selama ini. Satu sampel batu tertua di negara ini, berumur kira-kira 600 juta tahun turut dipamerkan. Muzium ini juga mempamerkan pelbagai aktiviti perlombongan di Malaysia.

Pameran dalam muzium dibahagikan kepada tujuh zon, iaitu Zon A: sejarah Jabatan dan sejarah muzium, sejarah bumi dan mural struktur geologi; Zon B: dinosaur & fosil, batuan; Zon C: mineral, hablur dan batu permata; Zon D: kegunaan mineral; Zon E: aktiviti perlombongan; Zon F: aktiviti eksplorasi mineral dan geologi marin; dan Zon G: bencana geologi, lombong dan kuari, hidrogeologi, geologi dan pembangunan negara, sumber mineral, geologi warisan, produk JMG, penyelidikan dan pembangunan, dan perkhidmatan makmal.

Geological Museum

Geological museums located at BPT (Ipoh), JMG Sarawak (Kuching), and JMG Sabah (Kota Kinabalu) play an important role as centres of learning and education of geoscience in the country. The number of visitors to geological museum at Ipoh and Kuching was 7848 and 135, respectively; the geological museum at JMG Sabah was closed for renovation.

Geological Museum Ipoh

The Geological Museum Ipoh is within the Technical Services Division, Ipoh JMG Complex which is located at Sultan Azlan Shah Road and is about 5 km from Ipoh, the state capital of Perak. The museum was officiated in 1957 as part of the then Geological Survey Department Malaysia. The museum was opened to the public since 1978.

The museum is acknowledged as having among the best and most complete collection of rocks and minerals in Malaysia. The museum is also famous for the impressive collections of fossils, precious stones and various rock specimens found and collected over the years. A sample of the oldest rock of the country, dating back to some 600 million years ago is also on display. The museum also showcases various mining activities in Malaysia.

Exhibits in the museum are divided into seven zones, namely Zone A: history of the Department and the museum, history of the earth, geological structure mural; Zone B: dinosaur & fossils, rocks; Zone C: minerals, crystals and gemstone; Zone D: uses of minerals; Zone E: mining activities; Zone F: mineral exploration and marine geology activities; and Zone G, geological hazards, quarry and mines, hydrogeology, geology and nation building, mineral resources, geological heritage, JMG products, research and developments and laboratory services.

Waktu melawat / Visiting hours:

Isnin hingga Khamis Monday to Thursday	9.00 a.m. - 12.30 p.m. 2.00 p.m. - 4.30 p.m.
Jumaat Friday	9.00 a.m. - 12.00 p.m. 3.00 p.m. - 4.30 p.m.
Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am Saturday, Sunday and Public Holidays	Tutup Closed

Jumlah pelawat pada tahun 2016 / Numbers of visitors in the year 2016:

Bulan Month	Awam Public	Sekolah School	Institusi pengajian tinggi Higher learning institution	Luar negara Foreign country	Jumlah Total
Jan	211	17	21	96	345
Feb	340	91	151	15	597
Mac	359	208	212	12	791
Apr	128	266	205	5	604
Mei	256	344	80	344	682
Jun	330	111	66	39	546
Julai	132	23	6	29	190
Ogos	135	69	71	55	330
Sept	297	111	84	2	494
Okt	129	62	168	10	369
Nov	383	775	66	3	1227
Dis	1435	101	105	32	1673
Jumlah / Total					7848

128



Lawatan delegasi dari Department of Mineral Resources Thailand (DMR) ke Muzium Geologi Ipoh pada 31.07.2016
Visit by delegation from Department of Mineral Resources Thailand (DMR) to Geological Museum Ipoh on 31.07.2016

Perkhidmatan Lombong & Kuari

Pada tahun 2016, Cawangan Perkhidmatan Lombong & Kuari (CPLK) di BPT masih berdepan dengan masalah kekosongan jawatan yang masih belum diisi. Dengan kekosongan-kekosongan tersebut, fungsi Unit Kejuruteraan Perlombongan dan Pengkuarian, CPLK untuk memberi khidmat pemantauan seperti habuk, gegaran dan ledakan udara pada 2016 tidak dapat dilaksanakan sama sekali. Walau bagaimanapun, Unit Pengurusan Dasar dan Perundangan, CPLK terus mengorak langkah memainkan peranan penting untuk industri perlombongan dan pengkuarian.

Pengurusan Dasar dan Perundangan

Kejayaan besar yang dicapai oleh CPLK pada 2016 ialah penggabungan sijil pembedil yang dikeluarkan oleh JMG dan sijil juruletup yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia kepada satu pensijilan untuk kerja-kerja peletupan. Dengan penggabungan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017, penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama mengurangkan karenah birokrasi. Penggabungan kepada pensijilan baharu yang diberi nama Lesen Pembedil akan sah laku untuk kerja-kerja peletupan bukan sahaja di lombong atau kuari, tetapi juga untuk industri pembinaan seperti perumahan, jalan raya dan terowong.

Selain itu, Unit Pengurusan Dasar dan Perundangan, CPLK juga berjaya menyiapkan penggubalan dan pewartaan dua peraturan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 iaitu Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Pelesenan) 2016 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Efluen) 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. Peraturan Pelesenan ialah keperluan mempunyai lesen untuk aktiviti pembelian, penyimpanan, penjualan, pemprosesan mineral dan bijih mineral. Peraturan ini menggantikan Enakmen Bijih Mineral dan Enakmen Pembeli Emas. Manakala Peraturan Efluen pula ialah berkenaan efluen lombong yang dilepaskan keluar tidak boleh melebihi limit kepekatan yang ditetapkan.

Mines and Quarry Services

In 2016, the Mines & Quarry Services Section (CPLK) in BPT continued to face the problem of vacant posts that remained unfilled. As a result, the CPLK Mining and Quarrying Engineering Unit was unable to provide services such as the monitoring of dust, vibration and airblast in 2016. Nevertheless, the Policy Management and Legislation Unit of the CPLK continued with its essential role in the mining and quarrying industry.

Policy Management and Legislation

A significant achievement of the CPLK in 2016 was the merger of the shotfirer certificate and the blaster certificate (issued by JMG and the Royal Malaysia Police respectively) into a single unified certification for blasting works. With the merger effective on 1 January 2017, there was reduced bureaucracy and service delivery was enhanced. The merged new certification called Shotfirer Licence would be valid for blasting works not only in mines and quarries, but also for the construction of buildings, roads and tunnels.

The Policy Management and Legislation Unit of the CPLK successfully completed the drafting and gazetting of two regulations under the Mineral Development Act 1994, i.e. the Mineral Development Regulations (Licensing) 2016 and the Mineral Development Regulations (Effluent) 2016. Both regulations would come in effect on 1 January 2017. The Licensing Regulations, which govern activities in the purchase, storage, selling, and processing of minerals or mineral ores replace the Mineral Ores Enactment and the Gold Buyers Enactment. On the other hand, the Effluent Regulations deal with prescribed concentration limits of discharged mine effluents.



Khidmat Pemantauan Kualiti Udara

Seperti yang telah dimaklumkan, kekosongan staf sokongan yang masih belum diisi di CPLK BPT menyebabkan khidmat pemantauan kualiti udara seperti pengukuran menggunakan High Volume Sampler (HVS) dan Dustfall Deposition Gauge (DDG) tidak dapat dijalankan. Begitu juga, khidmat pemantauan gegaran dan ledakan udara daripada aktiviti peletupan tidak juga dapat dijalankan.

Latihan

Disebabkan oleh kekangan kewangan yang dihadapi oleh JMG amnya dan negara khususnya, peruntukan untuk latihan telah dipotong dengan begitu drastik. Justeru, tiada latihan dapat diberikan kepada pegawai dan staf Lombong & Kuari di JMG.

Air Quality Monitoring Services

As mentioned above, monitoring services for air quality such as those using the High Volume Sampler (HVS) and the Dust Deposition Gauge (DDG) could not be carried out as the vacancies for the required personnel were unfilled. Likewise, monitoring services for vibration and air blast from blasting activities were also not undertaken.

Trainings

Due to financial constraint faced by the JMG in general and the country in particular, the budget for trainings was drastically cut. Therefore, training was not able to be provided to the mines and quarry staff of the JMG.

Peperiksaan Pembedil

Selaku urusetia peperiksaan pembedil jabatan, CPLK, BPT telah menganjurkan tiga siri peperiksaan pembedil teori pada bulan Mac, Ogos dan November 2016 melibatkan seramai 231 orang calon.

Bagi peperiksaan pembedil amali pula, CPLK dengan kerjasama pejabat JMG negeri telah mengendalikan 29 peperiksaan amali untuk seramai 105 orang calon dari pelbagai negeri seperti Johor, Perak, Selangor, N. Sembilan, Kedah, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Shotfirer Examinations

As the Secretariat for the Department's shotfirer examinations, the CPLK had organised three series of Shotfirer Examination (Theory) in Mac, August and November 2016 respectively involving a total number of 231 candidates.

For the shotfirer practical exam, CPLK in collaboration with the state JMG offices conducted 29 practical tests for a total of 105 candidates from various states like Johor, Perak, Selangor, N. Sembilan, Kedah, Terengganu, Sarawak and Sabah.

Peperiksaan Pembedil (Teori) 2016 Shotfirer Examination (Theory) 2016

Peperiksaan pembedil (teori) Shotfirer examination (theory)	Bilangan pusat peperiksaan Number of examination centre	Bilangan calon Number of candidates
Sesi/ Session 1/2016 (31.03.2016)	10	94
Sesi/ Session 2/2016 (18.08.2016)	10	56
Sesi/ Session 3/2016 (24.11.2016)	8	81

131



Peperiksaan pembedil (teori) dilaksanakan di JMG Pahang
Shot firer examination (theory) held in JMG Pahang



Peperiksaan pembedil (amali) diadakan di Kuari Shin Yang Sdn Bhd, Bau, Kuching
Shotfirer examination (practical) held at Kuari Shin Yang Sdn. Bhd., Bau, Kuching

Perkhidmatan Geofizik

Perkhidmatan geofizik yang telah diberikan adalah survey keberintangan imej 2-D, survei graviti rantau, pengelogan geofizik dan survei *real time kinematic (RTK)*. Survei Keberintangan 2D telah dijalankan di 16 lokasi meliputi sejumlah 29,120 meter-garis untuk kajian air tanah dan pemetaan struktur sub permukaan dan litologi untuk Projek Penilaian Sumber Thorium.

Survei graviti rantau yang dijalankan di Pulau Mantanani dan Kota Belud, Sabah meliputi sejumlah 6339 stesen bagi kajian air tanah. Pengelogan Geofizik telah dijalankan ke atas enam telaga untuk kajian hidrogeologi termasuk untuk tujuan kelulusan perakuan dan pelesenan air mineral. Objektif utama siasatan pengelogan geofizik adalah untuk menentukan kedalaman lubang gerudi, kedudukan skrin, lokasi selongsong dan mengesan kebocoran pada selongsong sekiranya ada. Survei Geofizik RTK telah dijalankan di 15 loji rawatan air untuk mendapatkan koordinat dan ketinggian lokasi dengan kejituan yang tinggi.

Geophysical Services

The geophysical services provided by the department included 2-D resistivity imaging, regional gravity survey, geophysical logging activities, and real time kinematic survey. 2-D Resistivity Survey was conducted at 19 locations covering 29,120 line-meters for groundwater studies and subsurface geological structure and lithology mapping for Thorium Resource Assessment Project.

Regional gravity survey was conducted in the Mantanani Island and Kota Belud, Sabah covering 6339 stations for groundwater study. Geophysical logging was carried out at six wells for hydrogeological study including for approval of certification and licensing of mineral water. The main objective for geophysical logging is to determine the depth of boreholes, screen location, casing location and to detect casing leakage if any. Geophysical Survey RTK survey was carried out at 15 water treatment plants to obtain the coordinates and the altitude with high accuracy.

Keberintangan pengimejan 2-D 2-D resistivity imaging

Negeri State	Kawasan Area	Liputan (meter-garis) Coverage (line-metres)	Penemuan / Catatan Findings / Remark
Negeri Sembilan	1. Jempol 2. Felda Palong 2,4,5,6, Bahau	6960	Kajian air tanah / Groundwater study
Terengganu	1. Dungun a. Tok Kah b. Rhu Batil 2. Kemaman a. Air Puteh b. Seberang Tayor c. Kg. Batu 3. Paka a. Pusat Maahad Tahfiz	3200	Kajian air tanah / Groundwater study
Perak	1. Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Lid Dakwah Wal-Imamah, Lenggong	800	Kajian air tanah / Groundwater study
Kelantan	1. Kem Desa Pahlawan, Kok Lanas 2. Pusat Penyelidikan Marin, Bachok 3. Pusat Akuakultur Perikanan, Machang 4. Pusat Akhlak, Machang	2080	Kajian air tanah / Groundwater study

Negeri State	Kawasan Area	Liputan (meter-garis) Coverage (line-metres)	Penemuan / Catatan Findings / Remark
Johor	<ol style="list-style-type: none"> Loji Rawatan Air Sg. Lebam, Pengerang Kg. Seri Paya, Bkt. Gambir, Ledang Pusat Latihan Kecemerlangan Perhutanan Gunung Pantii, Kota Tinggi Loji Rawatan Air Sultan Iskandar, Pasir Gudang Loji Rawatan Air Sg. Gembut, Sedili Loji Rawatan Air Lok Heng, Kota Tinggi 	8000	Kajian air tanah / Groundwater study
Pahang	<ol style="list-style-type: none"> Raub 	2800	Pemetaan struktur sub permukaan dan litologi untuk Projek Penilaian Sumber Thorium Subsurface geological structure and lithology mapping for Thorium Resource Assessment Project
	<ol style="list-style-type: none"> Loji Rawatan Air Chini 	4800	Kajian air tanah / Groundwater study
Selangor	<ol style="list-style-type: none"> Taman Idaman Serendah, Hulu Selangor 	480	Kajian air tanah / Groundwater study
Jumlah liputan / Total coverage		29,120	



Survei keberintangan 2-D di kawasan Tasik Chini
[2-D resistivity survey at Tasik Chini Area](#)

Mikrograviti / Graviti
Microgravity / Gravity

Negeri State	Kawasan Area	Liputan (bil. stesen) Coverage (no. of stations)	Penemuan / Catatan Findings / Remark
Sabah	Pulau Mantanani	552	Kajian air tanah / Groundwater study
	Kota Belud	87	Kajian air tanah / Groundwater study
Jumlah liputan Total coverage		639	



Survei graviti di Kota Belud, Sabah
Gravity survey at Kota Belud, Sabah



Survei graviti di Pulau Mantanani, Sabah
Gravity survey at Pulau Mantanani, Sabah

Pengelogan geofizik
Geophysical logging

Negeri State	Kawasan Area	Liputan (bil. telaga) Coverage (no. of wells)	Penemuan / Catatan Findings / Remark
Selangor	Syarikat Spring Fresh Sdn. Bhd. Lot 919, Mukim Batang Kali, Batu 31, Jln Ipoh, Selangor	2	Perakuan air mineral Mineral water certification
	Syarikat Jant Marketing Sdn. Bhd. Lot no. 15861, Mukim Kerling, Hulu Selangor	1	
Kedah	Syarikat Kencana Mineral Water Sdn. Bhd., Kg. Alor Batu, Mukim Gelong, Kubang Pasu	1	Perakuan air mineral Mineral water certification
Sabah	Kg. Dudar, Jalan Kudat, Kota Belud	1	Kajian Hidrogeologi Hydrogeology study
	Telaga JBA Sabah, Kg. Bobot, Kota Belud	1	
Jumlah liputan / Total coverage		6	



Pengelogan geofizik di Kota Belud, Sabah
Geophysical logging at Kota Belud, Sabah



Pengukuran lokasi menggunakan *real time kinematic* GNSS di Gurun, Kedah
Real time kinematic GNSS positioning measurement at Gurun, Kedah

Pengukuran lokasi menggunakan *Real Time Kinematic* GNSS
Real Time Kinematic GNSS Positioning Measurement

Negeri State	Kawasan Area	Liputan (bil.) Coverage (no.)	Penemuan / Catatan Findings / Remark
Perlis	Loji Air Timah Tasoh	1	Kajian telah dijalankan bagi mendapatkan koordinat dan ketinggian lokasi dengan kejituan yang tinggi. The study was carried out to obtain the coordinates and the altitude with high accuracy.
Kedah	Loji Rawatan Air Gurun Loji Rawatan Air Tupah Loji Rawatan Air Merbuk Loji Rawatan Air Jalan Baru	4	
Perak	Loji Rawatan Air Semanggol	1	
Pahang	Loji Rawatan Air Chini	1	
Johor	Loji Rawatan Air Lok Heng Loji Rawatan Air Sg. Gembut	2	
Melaka	Loji Rawatan Air Merlimau Kolam Takungan Air Bersih, Bukit Bulat	2	
Negeri Sembilan	Loji Rawatan Air Gemenchek	1	
Selangor	Loji Rawatan Air Sg. Labu Loji Rawatan Air Sg. Selisik	2	
Kelantan	Loji Rawatan Air Bendang Nyior	1	
Jumlah liputan / Total coverage		15	

Mineralogi & Petrologi

Semenanjung Malaysia

Sebanyak 965 unit kerja dengan nilai kerja RM65,030 telah dijalankan untuk jabatan, agensi kerajaan dan sektor swasta.

Mineralogy & Petrology

Peninsular Malaysia

A total of 965 units of routine work valued at RM65,030 were completed for the department, other government agencies and the private sector.

Khidmat analisis yang dijalankan oleh Unit Mineralogi dan Petrologi, Bahagian Perkhidmatan Teknikal Analytical services carried out by the Mineralogy and Petrology Unit, Technical Services Division

	Untuk industri mineral For the mineral industry		Untuk agensi kerajaan For government agencies	
	Bil. unit kerja Number of work unit	Nilai kerja Value of work (RM)	Bil. unit kerja Number of work unit	Nilai kerja Value of work (RM)
Pengenalan batuan dan mineral Identification of hand specimen	14	980	15	1050
Pemeriksaan petrografi terperinci Detailed petrographic examination	27	8100	4	120
Mendulang Panning	3	60	0	0
Pengasingan magnetik / Magnetic separation	133	6650	37	1850
Pengasingan Bromoform / Bromoform separation	133	2660	63	1260
Anggaran mineral kuantitatif Quantitative mineral estimation	132	11,880	11	990
Penyediaan keratan mikro Micro section preparation	41	1640	46	1840
Penyediaan sampel dan Belauan Sinar-X Sample preparation and X-ray Diffraction	39	4680	168	20,160
Ujian kimia Chemical test	0	0	0	0
Koleksi batuan dan mineral Rock and mineral collection	1	70	1	70
Kerja fotografi Photographic work	0	0	97	970
Ujian kekerasan Hardness test	0	0	0	0
Jumlah kecil / Sub -total	523	36,720	442	28,310
Jumlah unit kerja Total number of work units	965	Jumlah nilai kerja Total value of work		65,030

Sarawak

JMG Sarawak telah melaksanakan 292 unit kerja rutin dengan nilai kerja sebanyak RM7050 atas permintaan dalam dan luar jabatan. Kerja-kerja yang dilakukan merangkumi penyediaan keratan nipis batuan, pengenalan batuan dan penyediaan laporan petrografi.

Sabah

Aktiviti Mineralogi dan Petrologi telah menjalankan pelbagai tugas, seperti menyediakan keratan nipis batuan untuk kajian petrografi, mengenal pasti batuan dan mineral serta menyediakan gambar mikro. Sebanyak 134 kerja mineralogi dan petrografi dengan nilai kerja RM5230 telah dilaksanakan atas permintaan dalam dan luar jabatan. Kebanyakan kerja tersebut adalah atas permintaan pihak swasta.

Sarawak

Routine work totalling 292 units with a work value of RM7050 was carried out by JMG Sarawak on internal and outside request. The work carried out included the preparation of rock thin-sections, petrographical examinations and the preparation of petrographic reports.

Sabah

The Mineralogy and Petrology Activity performed various tasks such as the preparation and petrographical studies of rock thin sections, identification of rocks and minerals, as well as preparation of photomicrographs. A total of 134 mineralogy and petrography studies with a work value of RM5230 were carried out on internal and outside request. Most of the work was carried out at the request of the private sector.

Kerja yang dijalankan oleh Unit Mineralogi dan Petrologi, JMG Sarawak dan Sabah Work carried out by the Mineralogy and Petrology Activity, JMG Sarawak and Sabah

Tugas / Task	Jumlah unit Number of units	
	Sarawak	Sabah
Penyediaan keratan nipis batuan / Rock thin-section preparation		
a. Permintaan dalaman (JMG) / Internal request	4	5
b. Permintaan luar (Luar Jabatan) / External request	72	82
Analisis petrografi / Petrographical analysis:		
a. Permintaan Dalaman (JMG) / Internal request	216	-
b. Permintaan Luaran (Luar Jabatan) / External request	-	46
Pemeriksaan kuantitatif mineral / Quantitative mineral examination	-	1
Jumlah kerja / Total number of work unit	292	134
Nilai kerja / Value of work	7050	5230
Gambar mikro keratan nipis / Photomicrographs of rock thin section	-	92
Bilangan pelanggan / Client		
a. Orang awam / General public	17	32
b. Pelajar / Students	66	5

Fotogeologi Dan Penderiaan Jauh **Photogeology And Remote Sensing**

Fotogeologi dan penderiaan jauh Photogeology and remote sensing

Bil. No	Kawasan Area	Luas Coverage (km ²)	Tujuan Purpose	Catatan Remarks
A Pemetaan fotogeologi Photogeological mapping				
1	Kawasan Seremban (Syit 130) Seremban area (Sheet 30)	1200	Menyiapkan Laporan Peta Geologi Semenanjung Malaysia. Completion of Peninsular Malaysia Geological Map Report.	Peta fotogeologi telah disediakan. Photogeological map has been prepared.
B Perkhidmatan tafsiran fotoudara / imej satelit Airphoto / satellite images interpretation services				
1.	Kawasan Perikanan Machang, Ladang Kerilla Tanah Merah dan Kem Desa Pahlawan Kelantan Aquaculture Machang Area, Ladang Kerilla Tanah Merah and Desa Pahlawan Camp Kelantan	50	Interpretasi lineamen menggunakan fotoudara bagi kajian sumber air tanah. Lineament interpretation using airphoto for groundwater resources study.	Peta tafsiran lineamen telah disediakan. Lineament interpretation map has been prepared.
2.	Kawasan Loji Rawatan Air Chini, Pekan, Pahang Chini Water Treatment Plant Area, Pekan, Pahang	100	Interpretasi lineamen menggunakan imej satelit IFSAR bagi kajian sumber air tanah. Lineament interpretation using IFSAR satellite images for groundwater resources study.	Peta tafsiran lineamen telah disediakan. Lineament interpretation map has been prepared.
C Perkhidmatan lain Other services				
1.	Kawasan Bukit Tinggi, Pahang Bukit Tinggi Area, Pahang	110	Latihan Industri Pelajar UiTM Perlis Industrial Training for students from UiTM Perlis	Tempoh: 3 bulan Duration: 3 months

Perkhidmatan Makmal

Makmal Geokimia

Perkhidmatan Analisis Geokimia

Makmal-makmal Geokimia di Ipoh, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu terus memberi perkhidmatan analisis kimia / ujian fizikal dan khidmat nasihat kepada pelanggan dalaman dan luaran Jabatan seluruh Malaysia. Aktiviti-aktiviti ini adalah untuk membantu pembangunan sektor mineral, industri berasaskan mineral, aktiviti kitar semula logam dan eksplorasi/pembangunan sumber air bawah tanah dalam negara. Dalam tahun 2016 sejumlah 47,255 analisis telah disiapkan dengan nilai kerja keseluruhan RM1,199,516 di mana 3015 analisis telah diselesaikan untuk pelanggan swasta Jabatan dengan kutipan hasil bernilai RM128,515.

Sistem Pengurusan dan Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025:2005

Dalam tahun 2016, keempat-empat Makmal Geokimia berjaya melaksana dan mengekalkan sijil akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005. Makmal Batu Arang JMG Sarawak telah menambah skop ujian akreditasi (*Moisture, Ash & Volatile Matter*) menggunakan *Thermogravimetry Analyzer* (TGA).

Laboratory Services

Geochemical Laboratory

Geochemical Analytical Services

The Geochemical Laboratories in Ipoh, Kuantan, Kuching and Kota Kinabalu continued to provide testing and consultancy services to internal dan external customers of the Department throughout Malaysia. These activities assist the development of the mineral and mineral-based industries, metal recycling activities and ground water exploration/development in the country. For the year 2016 a total of 47,255 analyses were completed with a total work value of RM1,199,516 of which 3015 analyses were completed for the private sector with a revenue collection of RM128,515.

MS ISO/IEC 17025:2005 Laboratory Management System and Accreditation

For the year 2016, all the four Geochemical Laboratories successfully implemented and retained their MS ISO/IEC 17025:2005 accreditation certificate. Coal Quality Laboratory JMG Sarawak has an additional scope of testing (*Moisture, Ash, and Volatile Matter*) using *Thermogravimetry Analyzer* (TGA).

Persijilan Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005
MS ISO/IEC 17025:2005 Accreditation Certification

Makmal Laboratory	No. Sijil Certificate No.	Sah sehingga Valid until	Tempoh persijilan Certification duration	Skop akreditasi Scope of accreditation	Penandatanganan Sijil Ujian SAIMM Approved signatory for SAIMM test certificates
Ipoh	SAMM 116	31 Ogos 2017	1997-2016 19 tahun / years	Pasir silika / silica sand: 11 Batu kapur / limestone: 14 Bullion emas / gold bullion: 1 Air tanah / groundwater: 15 Jumlah ujian / test: 41	12 Pegawai Geosains (Kimiabumi) / Geoscience Officers (Geochemistry)
Kuching	SAMM 173	12 Ogos 2017	1999-2016 17 tahun / years	17 ujian batu arang / coal test	5 Pegawai Geosains (Kimiabumi) / Geoscience Officers (Geochemistry)
Kota Kinabalu	SAMM 263	07 Jan 2018	2004-2016 12 tahun / years	3 ujian tanah / soil test	4 Pegawai Geosains (Kimiabumi) / Geoscience Officers (Geochemistry)
Kuantan	SAMM 508	04 Apr 2017	2011-2016 6 tahun / years	1 ujian sampel geokimia / geochemical sample test	4 Pegawai Geosains (Kimiabumi) / Geoscience Officers (Geochemistry)
Jumlah / Total:				62 ujian / tests	25 Pegawai Geosains (Kimiabumi) / Geoscience Officers (Geochemistry)

Nota:- SAIMM :- Skim Akreditasi Makmal Malaysia / Malaysian Laboratory Accreditation Scheme

Disamping itu, audit dalaman di antara makmal serta mesyuarat kajian semula pengurusan berjadual terus diadakan mengikut jadual yang ditetapkan untuk memantau dan memastikan sistem pengurusan MS ISO/IEC 17025 dilaksanakan dengan efektif.

Program-program ujian kecekapan/perbandingan di antara makmal adalah mandatori dalam sistem standard pengurusan MS ISO/IEC 17025:2005 dan usaha diteruskan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan analisis kepada pelanggan jabatan. Pada keseluruhannya, kesemua Makmal Jabatan telah menunjukkan prestasi baik dan kecekapan teknikal yang tinggi dalam melaksanakan ujian-ujian tertentu dalam semua program ujian kecekapan / perbandingan di antara makmal yang disertai.

In addition, Interlaboratory internal audits and management review meetings were conducted regularly as scheduled to monitor and ensure the effective implementation of the MS ISO/IEC 17025 management system.

Proficiency testing (PT) / Interlaboratory Cross-check programmes is a mandatory requirements for compliance with the MS ISO/IEC 17025:2005 management standard and efforts is continuously done to further improve the quality of testing services provided to the Department's customers. The Department's laboratories have demonstrated good performance and competency in all the Proficiency Testing / Interlaboratory Cross-check programmes participated.

Penyertaan dalam Program Ujian Kecekapan / Perbandingan antara makmal
Participation in Proficiency Testing and Interlaboratory Cross-check Programmes

Bil. No.	Nama Program Ujian Kecekapan / Perbandingan di antara makmal Name of Proficiency Testing (PT) / Interlaboratory X-check programme	Penganjur / Pengelola program Programme provider / Organiser	Penyertaan Participation
1.	8 PT programme on Water testing:- ENVITEST 2 (Round 1) - Trace metals Al, Cd, Cr & Cu ENVITEST 2 (Round 2) - Trace metals Fe, Mn, Pb, Ni & Zn ENVITEST 4 - Total Solids, Suspended Solids & Total Dissolved solids ENVIEST 5 - Turbidity & Alkalinity ENVITEST 6 - Hg & As WAPAS 1 – Anions - Cl, SO ₄ , NO ₃ & F WAPAS 5 - Na & K WAPAS 6 - Hardness, Ca & Mg	Jabatan Kimia Malaysia Chemistry Department Malaysia	Makmal Ipoh Ipoh Laboratory
2.	Determination of SiO₂, Fe₂O₃, TiO₂, CaO and MgO in Silica Sand by a) Wet classical method b) XRF determination	Makmal Ipoh Ipoh Laboratory	5 private and 4 government laboratories

Penyertaan dalam Pembangunan Standard Malaysia

Pegawai-pegawai Geosains, Makmal Ipoh terus mewakili Jabatan dalam beberapa Jawatankuasa Teknikal / Kumpulan Kerja Pembangunan Standard dan telah menyumbang secara aktif dalam pembangunan Standard Malaysia (MS) yang baru dan yang dikaji semula selepas melebihi usia lima tahun.

Participation in the development of Malaysian Standards

